

# JALAN DAN LANGKAH

40 HARI MEDITASI & DOA PRAPASKAH





# Dengan Kesyukur

Hari

1

Masuklah melalui pintu gerbang-Nya dengan nyanyian syukur, ke dalam pelataran-Nya dengan puji-pujian, bersyukurlah kepada-Nya dan pujilah nama-Nya!

*Mazmur 100:4*

Bagaimana kita mulakan tahun 2020 ini? Bagaimana kita "masuk" ke dalam tahun ini? Meminjam kata-kata Mazmur – tentulah dengan kesyukuran. Pemazmur menyeru kepada umat Tuhan untuk percaya pada Tuhan kerana Dia baik dan boleh dipercayai dan Dia telah menyediakan yang terbaik bagi umat-Nya, kadang-kala melebihi apa yang mereka harapkan.

Meskipun begitu, kadang-kala, itu yang kita perlukan. Berhentilah mengharap Tuhan untuk memberikan kepada kita apa yang kita fikir adalah yang terbaik untuk diri kita, sebaliknya biarlah Dia yang membuat keputusan mengenai apa yang terbaik bagi kita. Apabila Mazmur berkata, "Masuklah pintu gerbang-Nya ...", ia menunjukkan bahawa Tuhan telah menyediakan pintu bagi umatnya untuk masuk. Pintu gerbang membawa kita dari satu tempat ke tempat yang lain. Ia adalah pembukaan kepada perkara lain, permulaan yang baru. Tuhan telah menyediakan banyak "pintu" bagi umat-Nya. Keinginan-Nya adalah untuk membimbing kita untuk maju ke depan dalam hidup, agar kita dapat berjalan ke arah takdir-Nya untuk kita.

Terdapat lebih daripada satu pintu. Tuhan memimpin kita secara progresif. Dia membawa kita ke dalam pelbagai perkara pada musim yang berbeza. Apabila kita hidup dengan sikap bersyukur kepada Allah, dan mengakui Dia sebagai sumber kehidupan dan segala berkat, ini membolehkan kita tetap berada di bawah bimbingan, pimpinan serta kehendak-Nya yang sempurna.

Apabila kita melalui pintu-pintu gerbang itu, kita masuk ke pelataran-Nya. Pelataran adalah Kawasan yang tertutup dengan pagar atau dinding. Ia adalah kawasan yang dilindungi, seperti kandang domba, kampung atau bandar. Apabila kita berada di dalam pelataran Tuhan, kita dilindungi. Orang yang kita kasih dan semua pemberian dari Tuhan akan berada di bawah naungan-Nya dan perlindungan-Nya. Ini termasuk kesihatan diri, kerja, pelayanan, kekayaan daripada Tuhan, keluarga serta mereka yang berada di bawah kekuasaan ilahi kita. Dengan segala pujian daripada mulut yang mengisytiharkan kebaikan Tuhan dalam hidup kita, kita pasti akan dilindungi dengan baik oleh Tuhan dan Bapa kita yang setia.

Bermulanya tahun ini, berazamlah menjadi seorang yang sentiasa bersyukur sepanjang tahun ini. Buatlah keputusan untuk mengucapkan kata-kata yang beriman dalam situasi anda dan Tuhan kita. Dengan kesyukuran dan pujian, marilah kita masuk ke pintu dan mujizat yang baru bagi tahun ini, masuk ke dalam pelataran Perlindungan dan Hadirat-Nya. Di mana adanya kehadiran Tuhan, di situlah ada kegembiraan, keselamatan, penyembuhan dan kebebasan. Terimalah apa yang telah Dia sediakan untuk anda!

## Respons

Luangkan masa untuk memuji Tuhan dan bersyukur kepada-Nya untuk semua kebaikan-Nya, sebab Dia baik sepanjang masa! Bersyukurlah atas kebaikan yang akan anda terima.

## Tidak Lagi Murka

Sebab bukan untuk selama-lamanya Aku hendak berbantah, dan bukan untuk seterusnya Aku hendak murka, supaya semangat mereka jangan lemah lesu di hadapan-Ku, padahal Akulah yang membuat nafas kehidupan. Aku murka karena kesalahan kelobaannya, Aku mengajar dia, menyembunyikan wajah-Ku dan murka, tetapi dengan murtad ia menempuh jalan yang dipilih hatinya. Aku telah melihat segala jalannya itu, tetapi Aku akan menyembuhkan dan akan menuntun dia dan akan memulihkan dia dengan penghiburan; juga pada bibir orang-orangnya yang berkabung.

*Yesaya 57:16-18*

Danau Toba terletak di Sumatra, Indonesia. Ia sebenarnya adalah kawah gunung berapi yang terletak 908 meter di atas paras laut. Ia adalah tasik besar yang mempunyai sebuah pulau yang lebih besar daripada Singapura dan terletak di tengah-tengah! Sungguh mengagumkan apabila melihat ramai orang yang hidup dengan selesa di sekitar mulut gunung berapi hidup tersebut, dan yang lebih menakjubkan lagi ialah, ia merupakan satu tarikan pelancong daripada seluruh pelusuk dunia.

Murka Tuhan terhadap dunia yang berdosa adalah seperti api dari gunung berapi. Apabila ia meletup, lava dan api memusnahkan semua yang ada di laluan. Namun, apabila Tuhan menunjukkan kasih karunia-Nya, seperti Danau Toba, Dia memilih untuk meredakan kemurkaan-Nya. Sepertimana ramai orang yang menemui kawasan persekitaran yang menyokong kehidupan di sekeliling Danau Toba, juga ramai yang telah menemui kehidupan di dalam Tuhan yang penuh dengan belas kasihan. Itulah kasih karunia!

Ketika kita mendapati diri kita hidup di bawah kasih karunia Tuhan, janganlah kita mengsia-siakan berkat yang dinikmati. Semua berkat itu bukan hak kita. Berkat-berkat itu diberikan kepada kita oleh Tuhan yang Maha pengasih kasihan dan Maha Pemurah, agar kita dapat mengenal Dia secara intim dan melaksanakan kehendak-Nya bagi kita. Apabila kita tahu bahawa hidup di bawah kasih karunia-Nya, kita mempunyai segala sebab di dunia untuk bersyukur kepada-Nya. Kita mempunyai segala sebab di dunia untuk menghargai apa yang kita ada. Ia akan menjadi sangat mudah bagi kita untuk berhenti mengeluh dan mula menghargai orang di sekeliling kita, secara umumnya, menghargai kehidupan.

Lihatlah, Tuhan yang Maha Kudus memilih untuk menghentikan kemurkaan-Nya kerana Dia tahu jika Dia terus murka, kita yang berdosa dan lemah tidak akan dapat berdiri di hadapan-Nya. Dia memilih untuk menghantar Anak-Nya, Yesus untuk mengambil akibat dosa kita, menyembuhkan dan memulihkan kita daripada kesakitan serta kehancuran yang disebabkan oleh dosa-dosa kita. Dia terus maju untuk berbuat lebih banyak lagi: iaitu Dia memberi kita kehidupan yang berlimpah ruah dan berbuah yang kita tidak layak terima, malahan kita tidak berbuat apa-apa untuk memolehinya.

Dalam Yesus Kristus, Tuhan tidak lagi murka. Kasih karunia-Nya luar biasa! Balasan yang kita hanya boleh berikan ialah ucapan syukur dan perkongsian harapan ini, penyembuhan dan pemulihan ini di dalam Tuhan yang Maha Pemurah kepada orang lain. Pujilah Dia kerana kasih-Nya kepada kita!

### Respons

Ucapkan kesyukuran kepada Tuhan. Berikan penghargaan dan kesyukuran kepada seseorang dalam hidup anda pada hari ini.

# Pintu Peribadi

Hari

3

Untuk dia penjaga membuka pintu dan domba-domba mendengarkan suaranya dan ia memanggil domba-dombanya masing-masing menurut namanya dan menuntunnya ke luar... Akulah pintu; barangsiapa masuk melalui Aku, ia akan selamat dan ia akan masuk dan keluar menemukan padang rumput.

*Yohanes 10:3, 9*

Isaac Newton, saintis yang menemui graviti, pada suatu masa mempunyai dua ekor kucing. Seekor kucing yang besar dan seekor kecil. Apabila mereka keluar daripada rumah dan kemudian ingin masuk kembali, mereka akan mencakar pintu. Isaac Newton memutuskan untuk membuat pintu perangkap kecil bagi kedua-dua ekor kucingnya, satu pintu yang lebih besar dan satu yang lebih kecil di sebelahnya. Apabila kawan-kawannya melawat, mereka bertanya kepada Isaac Newton mengapa dia perlukan dua pintu? Dia menjawab kerana terdapat dua ekor kucing. Rakan-rakannya kertawa dan berkata bahawa 'walaupun kucing yang lebih besar tidak dapat memasuki pintu perangkap yang lebih kecil, kucing yang lebih kecil tidak akan mengalami masalah memasuki pintu perangkap yang lebih besar! Dia sebenarnya memerlukan hanya satu pintu perangkap untuk kedua-dua ekor kucingnya.

Yesus dalam Yohanes 10 menggambarkan diri-Nya sebagai "pintu". Dia menuntun domba-domba-Nya, iaitu Gereja-Nya keluar untuk masuk ke takdirnya. Dia berbicara kepada umat-Nya, dan dengan kebangkitan daripada Roh Kudus, kita mendengar suara-Nya, bimbingan dan petunjuk-Nya. Yesus mempunyai misi untuk Gereja. Dia membayangkan Gereja sebagai Pengantin-Nya, yang dijaga, dikasihi dan dilindungi dengan penuh perhatian. Gereja adalah satu kumpulan Tubuh Kristus, yang melaksanakan kehendak-Nya bagi Tuhan di bumi.

Yesus juga menuntun domba-domba-Nya secara peribadi. Melalui pintu terbukalah, laluan dari satu tempat ke tempat yang lain. Tanpa pintu, tidak ada laluan masuk atau keluar yang sah. Yesus menyatakan mereka yang tidak masuk melalui pintu, tetapi memanjat masuk dengan cara lain adalah pencuri dan perompak. Apabila kita berada di simpang jalan atau di hujung jalan atau berhadapan dengan dinding dalam kehidupan kita, carilah pintu. Hanya pintulah merupakan laluan yang dibenarkan untuk masuk ke peringkat seterusnya, ke padang rumput yang menyatakan kehendak Tuhan dan tempat-Nya untuk kita, termasuklah perlindungan, perbekalan dan hadirat-Nya.

Yesus berdiri di hadapan anda pada hari ini sebagai "pintu". Dia mempunyai pintu persekutuan untuk umat Tuhan, iaitu Gereja-Nya. Dia juga mempunyai pintu peribadi untuk anda. Dia ingin membawa anda, dari tempat anda berada, untuk maju ke depan, supaya anda akan diselamatkan daripada bahaya dunia dan jerat iblis, untuk mencari padang rumput-Nya! Mungkin, tetapi bukan dengan sebab yang sama seperti Isaac Newton, Tuhan mempunyai 'pintu yang lebih besar', dan 'pintu yang lebih kecil', bagi kita untuk memasuki 'secara bersekutu' dan 'secara individu' ke dalam rancangan penebusan yang lebih besar untuk dunia.

## Respons

Berdoalah agar pintu-pintu tersebut dibuka untuk anda pada hari ini agar anda terus dapat bertumbuh dan bertambah kuat, lebih mendalam bagi tujuan-Nya dan takdir-Nya untuk anda.

## Pintu dan Pintu Gerbang

maka Aku akan memberkati engkau berlimpah-limpah dan membuat keturunanmu sangat banyak seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut, dan keturunanmu itu akan menduduki kota-kota musuhny.

*Mazmur 100:4*

Dan mereka memberkati Ribka, kata mereka kepadanya: "Saudara kami, moga-moga engkau menjadi beribu-ribu laksana, dan moga-moga keturunanmu menduduki kota-kota musuhnya.

*Kejadian 24:60*

Disiplin rohani melibatkan kesabaran untuk menunggu pintu dibuka dengan kata-kata hikmat Tuhan bagi menunjukkan kepada kita apa yang harus dilakukan, atau apa yang tidak harus dilakukan pada masa-masa tertentu. Tetapi apabila menghadapi tipu muslihat musuh, kita tidak perlu tunggu. Ketika berdepan dengan musuh, kita menolak kemasukannya, mengambil kekuasaan atas pintu-pintu yang terbuka daripadanya dan menguasai setiap pintu-pintu tersebut.

Kita adalah keturunan Abraham, keturunan yang tak terhitung, dan ditakdirkan untuk "memiliki pintu-pintu musuh mereka." Saudara-saudara Abraham, yang menghantar Ribka menjadi isteri Ishak, memberkatinya, menyatakan kata-kata yang tepat ini: "Dan keturunanmu memiliki pintu-pintu orang yang membenci mereka."

Dalam kehidupan seharian, kita menghadapi roh-roh jahat yang ingin masuk untuk membina-sakan kita. Jangan berserah dengan pintu yang terbuka kepada musuh – sebaliknya, kuasailah pintu itu! Perjanjian anda dengan Tuhan meliputi kekuasaan ke atas setiap pintu tersebut. Anda mempunyai kekuasaan untuk memerintah membuka dan menutupnya!

Gunakan kekuasaan tersebut! Usir segala yang bukan kepunyaan hidup anda.

Sekarang... tutuplah pintu.

*Diadaptasi dari Renungan Harian Shirley Weaver*

### Respons

Mintalah Tuhan untuk tunjukkan kepada anda jika ada "pintu terbuka" dalam hidup anda yang menyebabkan anda terdedah kepada musuh. Gunakan kekuasaan dalam Nama Yesus dan tutup pintu tersebut. Kuasailah pintu itu.

# Perjalanan Diteruskan

Hari

5

Jika semua dombanya telah dibawanya ke luar, ia berjalan di depan mereka dan domba-domba itu mengikuti dia, karena mereka mengenal suaranya. Tetapi seorang asing pasti tidak mereka ikuti, malah mereka lari dari padanya, karena suara orang-orang asing tidak mereka kenal.

*Yohanes 10:4-5*

Pada awal tahun, pelajar akan memulakan penggal sekolah baru. Mereka mulakan sesuatu yang baru untuk membawa mereka ke tahap pembelajaran yang seterusnya. Pelajar bergerak masuk melalui pintu penggal yang baru, tidak kira samada mereka bersedia atau tidak. Untuk kemajuan, mereka perlu mempunyai set minda, bimbingan dan nekad tertentu, untuk berjaya.

Apabila kita masuk melalui "pintu" yang telah dibuka oleh Tuhan, kita memerlukan set minda, bimbingan dan nekad yang tertentu untuk sampai ke destinasi. Hanya dengan masuki pintu tidak memberi jaminan bahawa kita akan mencapai matlamat yang diinginkan. Kita perlu mengakui bahawa Yesuslah yang telah membawa kita sejauh ini dalam perjalanan kehidupan kita. Dialah orang yang membuka pintu untuk kita apabila kita memerlukannya. Kita perlu mengakui bahawa kita memerlukan bimbingan yang berterusan untuk setiap langkah yang selanjutnya kerana Dia tahu apa yang ada di hadapan kita, walaupun kita tidak tahu. Kita mesti belajar untuk mengenal suara-Nya kerana Dia membimbing kita dengan berbicara kepada kita melalui perkataan dan juga melalui Roh Kudus. Apabila kita meletakkan diri kita dalam satu posisi untuk mendengar suara-Nya, dengan membaca dan merenung kata-kata-Nya, kita akan mendengar suara-Nya dengan jelas.

Kadang-kala masalah berlaku apabila anak-anak Allah memulakan perjalanan dengan baik tetapi mengakhirinya dengan teruk. Ini semuanya kerana mereka gagal mendengar suara Yesus. Mereka mungkin telah mengalihkan telinga mereka kepada suara mereka sendiri (tanpa memeriksa suara itu dengan saudara saudari lain di dalam Kristus), atau suara budaya popular di dunia, atau suara godaan, untuk mengambil jalan pintas. Suara, mesej atau nasihat yang tidak selaras dengan kata-kata Tuhan, atau tidak selaras dengan watak Yesus, kita mesti menolak jika kita mahu terus mengikuti jalan yang disediakan oleh Yesus.

Walaupun, setelah masuk melalui pintu yang betul dan berada di jalan yang betul, seringkali kita perlu bersungguh-sungguh untuk menamatkan perjalanan. Ketekunan dan nekad adalah asas yang penting untuk kita berjaya mencapai segala perkara dalam pimpinan Tuhan. Ia melibatkan pegangan kepada janji-janji Tuhan dengan iman yang teguh. Ia bererti bekerja keras apabila menghadapi cabaran. Ia juga bermakna kita tidak akan berputus asa apabila kita tahu bahawa Yesus yang memimpin kita.

Pintu terbuka di hadapan kita. Perjalanan diteruskan. Anda mempunyai musim yang diberkati dan bermanfaat di hadapan anda!

## Respons

Berdoalah untuk diri sendiri dan juga orang yang anda kenali, agar mereka dan diri kita sentiasa berpegang kepada Yesus dalam perjalanan iman ini, agar anda dan mereka tidak akan terlepas daripada memiliki "apa yang terbaik dari Allah" dan akan menamatkan perjalanan dengan baik.

# Dalam Jejak Langkah Yesus

Hari

6

Aku berkata kepadamu: Sesungguhnya barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan melakukan juga pekerjaan-pekerjaan yang Aku lakukan, bahkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih besar dari pada itu. Sebab Aku pergi kepada Bapa.

*Yohanes 14:12*

Saya berada di Mahkamah sebagai sebahagian daripada prosiding untuk 12 peguam muda yang diterima masuk ke Badan Peguam. Sekurang-kurang ada dua di antara mereka di mana salah seorang ibu atau bapa adalah peguam. Sesetengah daripada mereka, mempunyai impian sejak zaman kanak-kanak atau kehairahan untuk belajar undang-undang, walaupun diilhamkan daripada yang lain. Kita kadang-kala memerhati anak-anak cenderung untuk berjalan mengikut jejak profesional ibu atau bapa mereka, atau sekurang-kurangnya dalam bidang yang sama.

Yesus mengatakan mengenai orang-orang yang percaya kepada-Nya: bahawa kita sebagai murid-Nya akan meneruskan pekerjaan-Nya, dan akan melakukan pekerjaan yang lebih besar daripada apa yang Dia telah dilakukan! Kata-kata ini termaktub tidak lama selepas Yesus naik ke syurga. Petrus dalam perhimpunan penginjilan pertamanya, menyaksikan 3,000 orang menjadi orang Kristian! (Kisah 2:41). Murid-murid Yesus diberi kekuasaan daripada Allah dan juga kuasa Roh Kudus. Apa yang telah diterima oleh Yesus dan apa yang telah diperolehi melalui Salib dan Kebangkitan, kita menerima semua ini dengan iman. Kita 'memakai kasut-Nya', maksudnya, kita menjalankan pekerjaan dan pelayanan Yesus di bumi. Kita juga telah dijanjikan untuk melakukan "kerja-kerja yang lebih besar".

Kita cenderung untuk meniru mereka yang memberi inspirasi kepada kita. Kita memerhatikan mereka, dan dipengaruhi oleh semangat mereka atau matlamat mereka. Semangat dan matlamat mereka menjadi milik kita. Kita berjalan dalam jejak mereka. Murid-murid Yesus mengikut Dia. Kita perlu mengenali Yesus dengan lebih mendalam. Apabila kita mengenali-Nya, kita akan menjadikan kata-kata-Nya, kasih-Nya, semangat-Nya, belas kasihan-Nya, kebijaksanaan-Nya dan matlamat-Nya satu inspirasi. Semuanya menjadi milik kita. Membakar semangat untuk kita mencari Kerajaan Tuhan dan hati Tuhan. Itulah kehidupan seorang murid - berjalan dalam jejak langkah Yesus. Apabila kita menjalani kehidupan seorang murid Yesus, kita akan menjadi imbasan hati, watak, semangat dan kasih sayang Yesus. Kita perlu memberi inspirasi kepada orang lain untuk mengikut Yesus. Inilah yang kadang-kala kita panggil, "bersaksi untuk Yesus". Apabila orang lain menerima inspirasi itu, mereka juga akan inginkan apa yang kita alami. Sama seperti kata Paulus dalam 1 Korintus 11:1, "Jadilah pengikutku, sama seperti aku juga menjadi pengikut Kristus."

Marilah kita jadikan cita-cita untuk memberi inspirasi kepada orang lain berjalan dalam jejak langkah Yesus.

## Respons

Ingatlah orang-orang yang telah memberi inspirasi kepada kita dalam perjalanan hidup ini. Bersyukur kepada Allah kerana menghantar mereka ke dalam hidup kita. Mintalah Tuhan menggunakan anda untuk memberi inspirasi kepada orang agar mengasihi dan mengikut Tuhan Yesus.



## Adakah Anda Masih Mahu Mengikut-Nya?

Hari

7

Tetapi firman Tuhan kepadanya: "Pergilah, sebab orang ini adalah alat pilihan bagi-Ku untuk memberitakan nama-Ku kepada bangsa-bangsa lain serta raja-raja dan orang-orang Israel.

*KPR 9:15*

Paulus baru sahaja bertemu dengan Yesus. Dia telah diselubungi sepenuhnya dengan kehadiran Kristus yang hidup. Ini adalah titik permulaan perubahan dalam hidupnya, permulaan baru untuk kehidupan yang baru. Dia pasti agak terkejut dengan pengalamannya dalam perjalanan ke Dam-syik. Perbuatan yang dipuji kerana terpilih oleh Tuhan untuk memberitakan nama-Nya kepada orang-orang bukan Yahudi, raja-raja dan orang-orang Yahudi. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku dalam hidup Paulus seterusnya agak mencemaskan kerana kata-kata Yesus mengenainya, "betapa banyak penderitaan yang harus dia tanggung oleh kerana nama-Ku."

Saya berasa kagum berapa ramai yang masih mahu mengikut Yesus jika mereka mendengar perkara serupa yang dikatakan Yesus kepada Paulus. Bagi Paulus, pertemuannya dengan Yesus adalah satu kenyataan rohani yang sangat dalam, jauh melampaui kesakitan penderitaan yang akan berlaku ketika mengikut Yesus. Sekiranya penderitaan adalah masalah dalam kehidupan kita, dan usaha untuk mengelakkan penderitaan adalah sebahagian daripada matlamat hidup kita, ini pasti memberi keuntungan kepada si iblis. Dia pasti akan "menawarkan" kepada kita pilihan kehidupan yang mudah dan tidak menyakitkan. Maka menjadi godaan yang luar biasa bagi kita untuk memilih cara mudah dan meninggalkan Jalan Kehidupan. Iblis telah melakukan sedemikian rupa semasa dia mencobai Yesus di padang gurun (Lukas 4: 1-12).

Kunci untuk mengatasi kawalan kuasa ketakutan terhadap kesakitan dan penderitaan adalah dengan pertemuan bersama Yesus setiap hari. Kehadiran dan kebenaran-Nya dapat dirasakan melalui pengalaman bersama-Nya. Alamilah realiti cinta-Nya yang sungguh besar, maka semua perkara lain dalam hidup menjadi redup berbanding dengan kasih-Nya. Begitulah pengalaman Paulus ketika dia berkata, "Malahan segala sesuatu kuanggap rugi, kerana pengenalan akan Kristus Yesus, Tuhanku, lebih mulia dari pada semuanya. Oleh kerana Dialah aku telah melepaskan semuanya itu dan menganggarnya sampah, supaya aku memperoleh Kristus." (Filipi 3:8).

Iblis tidak dapat memegang kita, bila kita enggan berserah kepada ancaman dan pujukan iblis untuk menjalani kehidupan bebas daripada penderitaan. "Dan mereka mengalahkan dia oleh darah Anak Domba, dan oleh perkataan kesaksian mereka. Karena mereka tidak mengasihi nyawa mereka sampai ke dalam maut." (Wahyu 12:11). Pilihlah untuk mengikut Yesus tanpa mengira harganya, dan kita akan berjalan dengan kemenangan dalam hidup ini.

### Respons

Serahkan kepada Tuhan segala perasaan takut akan kesakitan, penyakit, kegagalan, kemiskinan, kematian, kekurangan dan penderitaan. Bacalah Mazmur 23. Berdoalah menggunakan ayat-ayat Mazmur itu dan jemputlah Yesus untuk bertemu dengan anda dalam kelemahan anda.

Dalam setiap usaha yang dimulainya untuk pelayanannya terhadap rumah Allah, dan untuk pelaksanaan Taurat dan perintah Allah, ia mencari Allahnya. Semuanya dilakukannya dengan segenap hati, sehingga segala usahanya berhasil.

*2 Tawarikh 31:21*

Dalam filem animasi "Finding Nemo", kita melihat bahawa ayah ikan badut mengalami cabaran dan kesusahan yang sangat besar untuk mencari anaknya, Nemo, yang hilang. Ia adalah filem keluarga yang seronok untuk ditonton. Disebabkan oleh kasih sayang kepada anaknya, kerana nyawa anaknya dalam bahaya, bapanya mencari anak lelakinya dengan penuh kekuatannya. Dia bertembung dengan pelbagai halangan, mimpi ngeri yang paling buruk, tetapi dia tidak goyah. Pada akhirnya, dia menemui Nemo.

Tuhan, sejak kejatuhan manusia, merancang untuk menjangkau manusia bagi menyelamatkan kita. Dengan keazaman usahanya, bertujuan satu, tidak tergoyah. Itulah sebabnya Yesus datang, "Sebab Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang" (Lukas 19:10). Sejak dosa datang ke dunia, terdapat pelbagai halangan antara Tuhan dengan manusia. Dosa berlipat-ganda, berkembang dan merebak seperti sel-sel kanser. Tetapi Tuhan kita, Pencipta kita, Bapa yang hidup, rindu mencari kita dan mewujudkan hubungan intim dengan kita.

Mungkin ada di antara kita merasakan bahawa kadang-kala Tuhan begitu jauh, terutama sekali dalam masa kesukaran dan kekalahan. Kemungkinan terdapat emosi kekecewaan, rasa tidak layak, putus asa, dan lain-lain yang menghalang kita daripada mendekati Tuhan. Halangan-halangan ini adalah untuk diatasi. Hizkia menjadikannya teras motivasi untuk semua yang dia lakukan. Dia melakukan beberapa perkara yang sangat baik, tetapi itu bukanlah matlamat yang dikejar. Matlamat utama yang dikejar adalah usahanya mencari Allah. Alkitab memberitahu kita bahawa sebagai hasilnya, dia mendapat kejayaan.

Tidak kira apa pun keadaan kita pada masa ini, sama ada kita berasa rendah diri, atau sibuk melakukan pekerjaan Tuhan, bertekadlah untuk mengatasi setiap halangan dan kesulitan untuk kita mencari Tuhan. Jadikanlah tujuan utama usaha kita untuk mengalami kehadiran-Nya. Kita memperuntukkan waktu untuk Tuhan. Dapatkan bantuan daripada orang lain. Masuk ke dalam persekutuan umat Allah. Lakukan apa sahaja yang perlu untuk mencari-Nya dengan segala kekuatan anda. Kerana nyawa kita dalam bahaya!

## Respons

Dalam kesedaran buatlah pilihan untuk mencari hati dan kehendak Tuhan dalam beberapa keputusan yang utama mengenai masa depan anda. Berdoalah juga untuk pemimpin kita supaya hati mereka boleh membuat keputusan yang terbaik bagi kepentingan rakyat.

# Tuhan Tidak Pernah Gagal

Hari

9

Tetapi TUHAN adil di tengah-tengahnya, tidak berbuat kelaliman. Pagi demi pagi Ia memberi hukum-Nya; itu tidak pernah ketinggalan pada waktu fajar. Tetapi orang lalim tidak kenal malu!

*Zefanya 3:5*

Apabila seorang pelajar gagal dalam peperiksaan, kemajuan dalam pengajiannya terhalang. Dia perlu menduduki semula dan lulus peperiksaan tersebut. Ramai daripada kita belajar daripada pengalaman apabila kita gagal dalam pelbagai perkara berbagai jenis. Jika kita tidak mengatasi perkara-perkara yang kita telah gagal, perkembangan dan kemajuan kita dalam hidup akan terbantut.

Jika pertumbuhan dalam hidup bergantung kepada keupayaan kita untuk mengatasi setiap cabaran pada kali pertama, maka kita berjalan di atas tanah yang bergoyah kerana manusia cenderung gagal. Sekiranya kejayaan atau kebahagiaan dalam hidup kita bergantung kepada manusia (diri sendiri atau orang lain), maka hanya ada sedikit jaminan bahawa kita akan dapat mencapainya. Kegagalan, dari fahaman saya, bermaksud tidak mencapai apa yang dijangka, atau jatuh dari jalan yang sedang berterusan, atau berhenti dari perjalanan yang menuju ke arah yang diinginkan.

Bersyukurlah kepada Tuhan kerana kitab oleh mempercayai dan bergantung kepada-Nya. Dia tidak pernah gagal. Apa yang mahu lakukan akan dilaksanakan sepenuhnya, Dia memberitahu kepada kita melalui kata-kata-Nya dan Roh Kudus-Nya. Apa yang Dia janjikan atau katakan Dia akan lakukan, Dia pasti akan melakukannya. Dia menjadi tunggak harapan kita, mengekalkan kita agar sentiasa berterusan di jalan hidup - takdir kita terjamin di dalam Dia.

Alkitab mengatakan bahawa Tuhan adalah kasih. Dan "Kasih tidak berkurang..." (1 Korintus 13:8a). Ini bermaksud kasih-Nya tidak akan berhenti mengalir. Dia tidak akan berhenti mengasihi kita untuk selamanya. Kesetiaan-Nya kekal dan tidak akan terputus walau pada mana-mana detik waktu hidup kita.

Berpeganglah kepada Dia yang tidak pernah gagal walaupun kita berada di tengah-tengah kegagalan manusia (kegagalan diri sendiri mahupun orang lain). Bedoa dengan penuh harapan dan keyakinan dalam kasih, kebenaran, belas kasihan, kasih karunia dan kesetiaan-Nya yang tidak pernah berhenti.

## Respons

Pilihlah untuk memaafkan diri sendiri dan orang lain ketika berhadapan dengan kegagalan anda. Lepaskan mereka (dan diri anda) ke dalam tangan Tuhan yang memiliki kasih yang tidak pernah berkurang.

Kalau ada seorang di antara kamu yang sakit, baiklah ia memanggil para penatua jemaat, supaya mereka mendoakan dia serta mengolesnya dengan minyak dalam nama Tuhan. Dan doa yang lahir dari iman akan menyelamatkan orang sakit itu dan Tuhan akan membangunkan dia; dan jika ia telah berbuat dosa, maka dosanya itu akan diampuni.

*Yakobus 5:14-16*

Saya pernah baca satu cerita mengenai seorang lelaki yang bergumul dengan beberapa isu yang besar dalam hidupnya. Dia menghabiskan banyak masa berdoa untuk mengatasi isu-isu tersebut. Dia meminta pertolongan Tuhan. Namun, keadaannya masih tidak berubah dan dia sudah mula tawar hati. Sekitar waktu itu, dia bermimpi dan melihat satu batu besar di depannya. Dia berusaha keras untuk menolak batu itu tetapi batu tidak berganjak. Mimpi itu sangat menyerupai apa yang dia sedang alami ketika itu. Dia berasa sangat kecewa dan mula menangis. Tuhan berkata kepadanya dalam mimpi itu, "Mengapa kamu nangis, anak-Ku?" Dia menjawab, "Kerana saya tidak dapat menyingkirkan batu besar ini yang menjadi penghalang jalan saya. Saya sudah melakukan semua yang Engkau suruh, saya berdoa dan mempercayai Engkau. Kenapa Engkau tidak memberi kekuatan kepada saya untuk menyingkirkan batu ini dari jalan saya?" Tuhan menjawabnya, "Sesungguhnya memang batu ini melebihi kekuatanmu. Anda tidak boleh menyingkirkannya tidak kira betapa kuatnya anda. Tetapi lihat pada lengan anda. Apa yang anda lihat?" Lelaki itu melihat lengannya dan mendapati bahawa bisepnya sudah besar sejak dia cuba menolak batu itu. Kemudian Tuhan berkata, "Saya mahu anda bangunkan iman anda dan percayalah Saya. Saya mahu membina keperibadian diri anda. Sekarang, perhatikanlah!" Tuhan mengangkat jarinya dan menjentik batu itu keluar dari jalan!

Walaupun ia hanya satu cerita, namun ini menunjukkan kepada kita akan tujuan iman dalam doa kita. Selalunya kita fikir ia adalah iman dalam diri kita yang menggerakkan gunung. Sebenarnya, ia adalah Tuhan yang menggerakkan gunung! Iman kita yang dinyatakan dalam doa kita, cuma menarik diri kita untuk lebih dekat kepada Tuhan. Dengan keintiman bersama Tuhan, kita diubah menjadi lelaki dan wanita yang benar, di mana "doa kita yang berkesan dan bersungguh-sungguh" itu sangat besar kuasanya. Kita yang mengucapkan doa iman, namun hakikatnya, Tuhan yang menyembuhkan.

Tuhan mengambil berat mengenai kita secara peribadi. Dia lebih prihatin kepada keperibadian kita berbanding pencapaian kita. Kerana apabila keperibadian kita adalah seperti keperibadian Kristus, maka Dia boleh mencapai banyak perkara melalui hidup kita. Dalam musim Paskah ini, izinkan Tuhan bekerja melalui kelemahan kita dan mengubah kita menjadi lelaki dan wanita yang Dia inginkan.

### Respons

Adakah anda sedang mengalami satu pergumulan dalam hidup anda? Mohonlah dari Tuhan untuk membina ciri-ciri keperibadian yang diperlukan untuk mengalami penembusan atau perubahan besar.

## Betapa Hebatnya Tuhan Anda?

Tetapi berkatalah Musa kepada bangsa itu: "Janganlah takut, berdirilah tetap dan lihatlah keselamatan dari TUHAN, yang akan diberikan-Nya hari ini kepadamu; sebab orang Mesir yang kamu lihat hari ini, tidak akan kamu lihat lagi untuk selama-lamanya. TUHAN akan berperang untuk kamu, dan kamu akan diam saja." Berfirmanlah TUHAN kepada Musa: "Mengapakah engkau berseru-seru demikian kepada-Ku? Katakanlah kepada orang Israel, supaya mereka berangkat. Dan engkau, angkatlah tongkatmu dan ulurkanlah tanganmu ke atas laut dan belahlah airnya, sehingga orang Israel akan berjalan dari tengah-tengah laut di tempat kering.

*Keluaran 14:13-16*

Tuhan mengutus Musa kepada orang Israel di Mesir. Mereka ditawan di bawah kuasa kegelapan Firaun. Semua penderitaan fizikal, penindasan dan perhambaan mempunyai satu akar rohani - iaitu kuasa ilmu ghaib Mesir. Umat Israel berada di bawah penindasan iblis semata-mata kerana musuh dan kerajaannya menentang segala yang berkaitan dengan Perjanjian dan Kerajaan Tuhan.

Tuhan telah menyatakannya dengan sangat jelas dalam Keluaran 3:20, "Tetapi Aku akan mengacungkan tangan-Ku dan memukul Mesir dengan segala perbuatan ajaib, yang akan Kulakukan di tengah-tengahnya; sesudah itu ia akan membiarkan kamu pergi." Tuhan Sendiri akan membebaskan Israel. Ketika umat Israel yang berada di bawah pimpinan Musa terperangkap di antara tentera Firaun yang mengejar mereka dan Laut Merah, Musa mendorong mereka, mengatakan bahawa Tuhan akan menyelamatkan mereka dan berlawan bagi pihak mereka. Musa melakukan seperti apa yang kita akan lakukan semasa kesukaran yang teruk - iaitu berseru kepada Tuhan dan meminta bantuan-Nya. Namun begitu, Tuhan menegur Musa kenapa berseru kepada-Nya. Sebaliknya, Tuhan meminta Musa untuk memberitahu umat Israel melangkah ke arah Laut Merah dengan iman dan meminta Musa "menghulurkan tangannya".

Nampaknya, itu bukan kali pertama Tuhan meminta Musa untuk menghulurkan tangan atau tongkatnya. Malah, Tuhan telah memberitahu Musa untuk melakukannya sekurang-kurangnya tujuh kali sebelum ini! (Keluaran 7: 5; 7:19; 8: 5; 8:16; 9:22; 10:12 dan 10:21). Setiap kali Musa melakukannya, Tuhan menunjukkan kuasa-Nya. Tuhan sedang membangunkan iman Musa secara progresif, mempersiapkannya untuk merentasi Laut Merah dan perjalanan yang seterusnya. Ia agak mudah untuk mempercayai Tuhan kerana Dia melakukan "keajaiban" untuk menunjukkan kuasa-Nya, tetapi ia adalah satu perkara lain apabila kita perlu mempercayai Dia untuk membebaskan mereka dari keadaan yang boleh membawa maut.

Tetapi Tuhan telah berjanji kepada umat-Nya bahawa Dia akan membebaskan dan menyelamatkan mereka. Dia sangat berkuasa. Adakah Tuhan anda hebat di mata anda sendiri? Pernahkah anda melihat "keajaiban kecil" dalam hidup anda? Adakah anda bersedia mempercayai-Nya untuk menyelamatkan anda dengan keajaiban dari keadaan yang boleh membawa maut? Jika anda bersedia, jadi...

"Mengapa anda perlu berseru kepada-Nya? Hurlkanlah tangan anda .... "

### Respons

Bermula dengan menghulurkan tangan anda dan berkata dengan kekuasaan Yesus kepada "gunung" dan "Laut Merah" yang berada di depan anda, dan melangkah dengan iman apabila diperintah oleh Tuhan.

## Melatih Pendengaran Anda

Hari

12

Maka pada mereka genaplah nubuat Yesaya, yang berbunyi: Kamu akan mendengar dan mendengar, namun tidak mengerti, kamu akan melihat dan melihat, namun tidak menangkap. Tetapi berbahagialah matamu karena melihat dan telingamu karena mendengar.

*Matius 13:14, 16*

Saya sering berfikir bahawa Tuhan mendedahkan perkara-perkara tertentu melalui Roh Kudus kepada beberapa individu yang tertentu sahaja, lebih kerap daripada individu yang lain. Namun begitu, Injil menyatakan bahawa Yesus berbicara kepada semua orang, kepada orang ramai yang datang kepada-Nya, tetapi respon pendengar semuanya sangat berbeza. Orang Farisi menolak semua ajaran-Nya. Orang ramai pula mendapati kadang-kala mereka sukar untuk menerima ajaran Yesus, contohnya, apabila Dia berkata bahawa orang-orang yang memakan Dia, (seperti Roti yang berasal dari syurga), tidak akan mati (Yohanes 6:50).

Kepada murid-murid-Nya, Yesus menjelaskan semuanya kepada mereka. Namun, di kalangan mereka terdapat pengkhianat. Untuk salah seorang penjenayah (ya, ada dua penjenayah tetapi mempunyai tanggapan yang sangat berbeza) yang disalib bersama Yesus, dia mengaku imannya kepada Yesus semasa di atas salib. Kesempatan untuk mendengar Tuhan memang sudah pasti disediakan untuk semua manusia. Namun satu-satunya perbezaan adalah bagaimana kita mendengar. Adakah kita mahu mendengar Dia? Adakah kita ingin mendengar kebenaran, walaupun ia bertentangan dengan apa yang kita lakukan atau percaya, ya, walaupun ia menentang mana-mana teologi kesukaan kita? Apabila Tuhan berbicara, kita mesti mempunyai keinginan untuk mendengar. Sama seperti Nikodemus, iaitu orang Farisi yang mencari Yesus pada waktu malam. Apabila dia mendengar tentang Yesus, dia pergi kepada-Nya untuk mencari kebenaran.

Kita boleh melatih pendengaran rohani kita. Janganlah kita mendengar kata-kata Tuhan dan cuba memahaminya hanya melalui kaca mata pengalaman dan pembelajaran kita sendiri, mahupun melalui kekurangan pembelajaran dan pengalaman kita. Kita perlu membenarkan Roh Kudus untuk melatih deria kita, untuk menguduskannya, supaya kita dapat mendengar dengan deria yang telah diberikan oleh Allah kepada kita. Kita harus menghindari godaan untuk meletak falsafah kita dan pengalaman kita sendiri 'di atas' Firman Allah, menyebabkan kita "memandang tetapi kita tidak melihat, mendengar tetapi kita tidak mengerti."

### Respons

Berdoalah kepada Tuhan untuk mengasah kefahaman rohani anda. Mula membaca seluruh Alkitab pada tahun ini seperti membaca buku novel.

## Perubahan Dari Dalam Dan Luar

Tetapi ketika nyata kemurahan Allah, Juruselamat kita, dan kasih-Nya kepada manusia, pada waktu itu Dia telah menyelamatkan kita, bukan karena perbuatan baik yang telah kita lakukan, tetapi karena rahmat-Nya oleh permandian kelahiran kembali dan oleh pembaharuan yang dikerjakan oleh Roh Kudus, yang sudah dilimpahkan-Nya kepada kita oleh Yesus Kristus, Juruselamat kita, supaya kita, sebagai orang yang dibenarkan oleh kasih karunia-Nya, berhak menerima hidup yang kekal, sesuai dengan pengharapan kita

*Titus 3:4-7*

Yesus mengatakan ini ketika Dia bertemu dengan Nikodemus, "Sesungguhnya jika seseorang tidak dilahirkan kembali, ia tidak dapat melihat Kerajaan Allah". (Yohanes 3: 3) Kerajaan Tuhan hadir tetapi tidak jelas bagi semua manusia. Untuk melihat Kerajaan Tuhan bukanlah semata-mata memiliki pengetahuan tentang kewujudannya, tetapi mengalami kenyataannya. Walaupun Kerajaan Tuhan memenuhi seluruh alam semesta, pemerintahan dan kekuasaannya tidak meluas ke dunia dan hati yang berdosa. Dunia dan hati yang berdosa berada di bawah pemerintahan iblis. Mereka dibutakan, tidak dapat melihat realiti Kerajaan Tuhan.

Untuk dilahirkan kembali bermaksud kita diperbaharui menjadi ciptaan baru. Pembaharuan bermula ketika kita mengakui dan menerima Ketuhanan Yesus dalam hidup kita. Sama seperti ciptaan alam semesta, ia hanya satu permulaan. Proses pembaharuan berterusan sepanjang hidup kita di bumi, "pensucian pembaharuan". Inilah kerja Roh Kudus di dalam diri kita. Semakin kita diperbaharui, lebih jelas kita akan melihat Kerajaan Tuhan meluas ke setiap bahagian peribadi kita.

Apa yang harus kita lakukan? Kita perlu secara sedar dan berterusan membenarkan Roh Kudus untuk mengubah kita. Dengan kerjasama dan ketaatan yang lebih besar yang diberi kepada Tuhan, maka kita akan mengalami transformasi dari "hati berdosa" menjadi hati yang benar. Apabila hati yang berdosa berubah, kebenaran akan mula mengalir dalam perbuatan, tingkah laku, sikap dan hubungan kita sesama manusia.

Apabila hati berdosa berubah, dunia berdosa boleh berubah – dari dalam dan luar!

### Respons

Mengaku kepada Tuhan setiap sikap dan perbuatan berdosa dan mohonlah pengampunan-Nya. Mintalah Tuhan untuk mengubah anda ketika anda tidak ada kemampuan untuk berubah, dan bertekadlah untuk mengubah bahagian-bahagian hidup anda yang boleh diubah.

## Kelemahan Yang Tersembunyi

Hari

14

Tetapi Roh dengan tegas mengatakan bahwa di waktu-waktu kemudian, ada orang yang akan murtad lalu mengikuti roh-roh penyesat dan ajaran setan-setan oleh tipu daya pendusta-pendusta yang hati nuraninya memakai cap mereka.

*1 Timotius 4:1-2*

Ketika saya sedang mencari rawatan di klinik doktor untuk penyakit kayap beberapa waktu yang lalu, doktor hairan betapa lemahnya sistem immuniti tubuh saya. Dia mendapati tiada punca langsung bagi kompromi sistem imuniti saya secara tiba-tiba. Kemudian, dia bertanya kepada saya berapa banyak "logam" yang ada dalam tubuh saya. Giliran saya pula berasa hairan. Dia meminta saya membuka mulut saya, dan mengira jumlah tampalan logam dalam gigi saya. Dia menasihatkan saya untuk menggantikan tampalan logam itu dengan enamel. Dia mengesyaki kehadiran logam dalam mulut saya boleh menyebabkan kompromi dalam imuniti saya dari masa ke semasa, ia satu kelemahan yang tersembunyi.

Petikan Alkitab hari ini membincangkan hati nurani yang telah diselar. Bila hati nurani pernah diselar, ia akan hilang keupayaannya untuk membezakan apa yang betul dan apa yang salah. Hati nurani yang pernah diselar tidak dapat membezakan kebenaran, apatah lagi menerima kebenaran. Ia membuka pintu kepada kebohongan dan juga penipuan musuh. Iman dibina berdasarkan kebenaran. Sekiranya kebohongan dan penipuan memerintah seseorang, asas iman menjadi goyah dan tidak akan dapat menentang serangan musuh. Ramai yang telah meninggalkan iman dalam Tuhan Yang Maha Esa dan Yang Hidup kerana hati nurani mereka telah diselar.

Hati nurani boleh diselar oleh ketidaktaatan dan dosa yang disengajakan. Ia boleh diselar kerana enggan memilih apa yang ilahi dan yang betul bila berdepan dengan pengalaman buruk dan menyakitkan, bila kita perlu membuat keputusan untuk hidup kita. Hati nurani boleh diselar apabila kita membenarkan kompromi-kompromi kecil ke dalam hidup kita, ke dalam iman kita kepada Yesus. Pilihan-pilihan kita yang mungkin kelihatannya tidak berkaitan, jauh atau tidak penting, atau kebohongan yang kita percayai, boleh menjadi satu kelemahan tersembunyi dalam dasar kehidupan kita.

Apa yang perlu dilakukan? Mungkin seperti kata-kata Mazmur, "Selidikilah aku, ya Allah, dan kenallah hatiku, ujilah aku dan kenallah pikiran-pikiranku; lihatlah, apakah jalanku serong, dan tuntunlah aku di jalan yang kekal!" (Mazmur 139: 23-24).

### Respons

Mari kita memohon Tuhan untuk menyelidiki kita dan mendedahkan kepada kita kelemahan yang tersembunyi yang mungkin terdapat di dalam hidup kita. Serahkan kelemahan itu kepada Tuhan dan mintalah untuk membawa kita ke jalan-Nya yang kekal.



## Mengatasi Daging

Hari

15

Kemudian dari pada itu akan terjadi, bahwa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia, maka anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan bernubuat; orang-orangmu yang tua akan mendapat mimpi, teruna-terunamu akan mendapat penglihatan-penglihatan. Juga ke atas hamba-hambamu laki-laki dan perempuan akan Kucurahkan Roh-Ku pada hari-hari itu.

Yoel 2:28-29

Paulus berkata dalam Roma 8:8 bahawa mereka yang hidup “dalam daging” tidak mungkin berkenan kepada Tuhan.

Daging adalah sebahagian daripada diri kita. Pada pembaptisan, kita meninggalkan “daging, dunia dan iblis”. Alkitab menyatakan dengan jelas mengenai keperluan untuk menyalibkan daging – dibunuh, menjadikannya tidak berkuasa atas kehidupan kita, namun tanpa menghapuskannya dari kita. Daging dengan hasratnya, menentang segala sesuatu dari Allah dan Kerajaan-Nya. Pekerjaan daging adalah menentang kehendak Allah. Tidak hairanlah mengapa Yesus berkata kepada mereka yang ingin mengikuti, harus menolak diri mereka sendiri dan “membawa salib mereka setiap hari”.

Memikul salib kita setiap hari adalah satu-satunya penyelesaian untuk menyalibkan daging yang ada di dalam diri kita. Tanda salib adalah pilihan harian kita - untuk memilih respon dan perbuatan yang ilahi biarpun ada 'bayarannya'. Sebenarnya, Roh Kudus yang membawa kita mengatasi kekuatan daging di dalam diri kita, untuk mula berjalan dalam kehendak Allah yang sempurna. Nubuatan Yoel terjadi pada hari Pentakosta dalam Kisah Para Rasul. Penggenapan itu memberi harapan yang pasti dan menandakan permulaan bahawa kita boleh mengatasi daging.

Sekiranya anda sedang bergelut dengan pengaruh tarikan daging di dalam diri anda, jangan lagi berjuang dengan usaha sendiri. Walaupun dengan usaha kita yang terbaik, kita tidak akan dapat mengatasinya. Kita perlu membuka hati kita untuk menerima curahan Roh Kudus. Benarkan Roh Kudus masuk ke dalam “semua daging”, dan benarkan Dia menguasainya. Benarkan Dia membawa kita ke dalam komunikasi yang lebih dalam dengan Tuhan dan hubungan yang lebih intim dengan-Nya.

Apabila Roh Kudus datang kepada kita, Allah akan dimuliakan di dalam hidup kita. Ini adalah apa yang sepatutnya berlaku dalam hidup setiap murid Yesus. Adakah anda akan membenarkan Dia masuk?

### Respons

Mintalah Roh Kudus untuk menyedarkan dan mendedahkan pekerjaan daging dalam hidup anda. Berdoa kepada Roh Kudus untuk membimbing anda dalam semua keputusan anda pada hari ini.

## Lebih Daripada Satu Sebab

Sementara itu berkobar-kobar hati Saulus untuk mengancam dan membunuh murid-murid Tuhan. Ia menghadap Imam Besar, dan meminta surat kuasa daripadanya untuk dibawa kepada majelis-majelis Yahudi di Damsyik, supaya, jika ia menemukan laki-laki atau perempuan yang mengikuti Jalan Tuhan, ia menangkap mereka dan membawa mereka ke Yerusalem. Dalam perjalanannya ke Damsyik, ketika ia sudah dekat kota itu, tiba-tiba cahaya memancar dari langit mengelilingi dia. Ia rebah ke tanah dan kedengaranlah olehnya suatu suara yang berkata kepadanya: "Saulus, Saulus, mengapakah engkau menganiaya Aku?" Jawab Saulus: "Siapakah Engkau, Tuhan?" Kata-Nya: "Akulah Yesus yang kauaniaya itu. Tetapi bangunlah dan pergilah ke dalam kota, di sana akan dikatakan kepadamu, apa yang harus kauperbuat."

*KPR 9:1-6*

Paulus adalah orang Farisi yang bersemangat. Dia telah menemui satu matlamat yang baik untuk meneruskan hidupnya. Dia telah mendapat pendidikan yang baik, dia telah bertambah maju dalam kerjayanya. Walau bagaimanapun, dalam perjalanan mengejar matlamatnya, dia bertemu dengan Yesus secara peribadi. Pertemuan dengan Yesus akhirnya mengubah Paulus menjadi seorang yang paling berpengaruh pada zamannya. Dia tidak lagi mengejar matlamat dirinya, tetapi dia mengejar hati Tuhan yang menunjukkan kepadanya siapakah dirinya yang sebenar dan apakah matlamat hidupnya yang sebenar.

Kadang-kala kita mendengar bahawa kita perlu ada matlamat yang lebih besar daripada diri kita sendiri untuk menemui matlamat yang wajar dalam hidup kita. Oleh itu, ramai yang berusaha untuk menemui matlamat yang wajar untuk hidup, matlamat itu mungkin satu kerjaya, satu yang diusahakan, satu pelayanan, satu perkhidmatan, dan lain-lain. Akhirnya kita akan memiliki semua ini, tetapi tidak ada satu pun dari semuanya yang akan dapat memuaskan kita dalam usaha kita mencari matlamat dan makna hidup.

Seseorang yang hidup di luar matlamat hidup yang diberikan oleh Tuhan, tidak kira betapa berjayanya, akan selalu merasa tidak puas hati, dan tidak dipenuhi. Hanya satu pertemuan peribadi dengan Pencipta kita, melalui Dia semua yang dicipta oleh Yesus sendiri, memadai. Dia adalah Pencipta kita, tentunya Dia tahu apa yang terbaik bagi hidup kita. Bukan sekadar satu pertemuan yang hebat, tetapi satu pengalaman yang berterusan dalam kehidupan dan kewujudan kita saban hari

Yesus tidak hanya menunjukkan kepada kita matlamat hidup, tetapi Dia adalah Jalan. Jika kita sentiasa berhubung dengan-Nya, Dia akan membawa kita kepada perjalanan hidup yang bermatlamat, bermakna dan digenapi!

### Respons

Renungi seketika dan nilai apa yang anda telah lakukan dalam hidup anda. Berdoalah agar anda sentiasa berhubung dengan Tuhan, kerana Dia akan membawa anda terus berjalan dalam matlamat sebenar hidup anda. Berdoa untuk Gereja, supaya Gereja akan berjalan dalam panggilan dan misi utamanya, tanpa sebarang gangguan.

# Engkau Dan Seisi Rumahmu Akan Selamat

Jawab mereka: "Percayalah kepada Tuhan Yesus Kristus dan engkau akan selamat, engkau dan seisi rumahmu."

*KPR 16:31*

Hari

17

Tuhan sentiasa setia dan berkuasa untuk menyelamatkan. Pengawai penjara yang menjaga Paulus dan Silas dalam penjara mengalami kesetiaan dan kuasa Tuhan. Paulus dan Silas dituduh dan dibuang ke dalam penjara. Apabila Tuhan menggegarkan penjara dengan gempa bumi dan memaksa pintu-pintu penjara dibuka, pengawai penjara itu menyangka bahawa itu adalah penghujung kerjaya dan hidupnya! Dia berfikir bila semua banduan sudah melarikan diri, dia tentu akan dihukum gantung.

Tetapi Paulus dan Silas, dan banduan yang lain tidak mengambil kesempatan untuk melepaskan diri. Ia adalah satu mujizat yang menyelamatkan nyawa pengawai penjara. Dia membuka hatinya untuk menerima injil Yesus dan mempercayai Yesus. Kerana imannya, dia dan seluruh keluarganya diselamatkan. Ini adalah satu kesaksian yang sangat hebat! Satu perubahan peristiwa yang ajaib. Walaupun waktu itu seorang banduan, Paulus dan Silas menjadi pengutus Injil Keselamatan.

Kunci kepada perubahan ini saya percaya, adalah pujian dan doa kepada Tuhan oleh kedua-dua hamba Tuhan ini. Di tempat yang paling sukar dalam kehidupan, mereka menyanyi pujian dan penyembahan kepada Tuhan. Pujian yang dinyanyikan mempunyai harga pengorbanan. Mereka-lah korban pujian. Doa yang mereka ucapkan bukan pada masa yang selesa atau mudah. Mereka berada dalam belenggu. Inilah kesungguhan doa orang-orang benar.

Penyembahan dan doa sebegitu telah mengubah suasana rohani di penjara itu. Ia telah membuka pintu untuk campur tangan Tuhan dalam keadaan mereka. Apabila Tuhan campur tangan, Dia membawa bersama-Nya anugerah keselamatan, dan hati akan terbuka, iman dibangkitkan dan kurnia-Nya mengalir.

Apa pun keadaan yang mungkin kita sedang alami, di mana penerobosan tidak kelihatan, angkatlah satu korban pujian (menyembah dengan harga pengorbanan) dan kesungguhan doa (berdoa walaupun dalam keadaan ketidakselesaan), dan mula menjemput Yesus untuk memenuhi suasana kita. Kemudian, tunggu dan lihatlah manifestasi dan hasil kerja karunia-Nya yang luar biasa..

## Respons

Luangkan masa yang lebih untuk memuji dan menyembah Tuhan tidak kira apa keadaan anda sekarang. Berdoalah untuk menjemput Yesus memenuhi masuk ke dalam keadaan anda yang memerlukan perubahan.

# Kenapa Kita Berdoa?

Hari

18

Jawab Yesus kepada mereka: "Apabila kamu berdoa, katakanlah: Bapa, dikuduskanlah nama-Mu; datanglah Kerajaan-Mu.

*Lukas 11:2*

Apabila Yesus diminta oleh murid-murid-Nya untuk mengajar mereka berdoa, Dia mengajar mereka untuk mencari, pertama sekali, tiga perkara ini – iaitu Nama Tuhan dimuliakan, Kerajaan-Nya datang ke bumi dan kehendak-Nya jadilah di bumi seperti di syurga. Ini adalah fokus utama yang Tuhan meminta murid-murid-Nya untuk berdoa sebelum bahan doa yang lain. Ini adalah amat penting.

Doa kita sering kali merupakan hasil reaksi kita terhadap cabaran atau masalah yang dihadapi secara langsung. Saya beranggapan doa sebegini, adalah "doa pertahanan". Ini adalah kerana doa tersebut berpusat kepada masalah dan keperluan kita. Kadang-kala doa pertahanan berkesan, tetapi selalunya ia hanya sekadar untuk memadamkan api. Apabila doa-doa kita tertumpu kepada kemuliaan Tuhan dan Kerajaan-Nya, seperti yang telah diberi keutamaan oleh Yesus untuk kita, kita akan berusaha untuk menubuhkan Kerajaan-Nya dalam arena hidup kita. Kita akan bertanya: Apakah yang akan memuliakan Nama-Nya dalam situasi tertentu di mana kita mencari satu penerobosan? Atau apabila berhadapan dengan masalah, apakah kehendak Allah dalam hal tersebut?

Kerajaan Tuhan hadir di mana kehendak Tuhan yang sempurna dilaksanakan, perintah-Nya dipatuhi, kejahatan dikalahkan, kebaikan muncul, Nama-Nya dihormati, berlaku keadilan. Tidak hairanlah mengapa Yesus memberitahu kita untuk "mencari dahulu Kerajaan-Nya".

Jika yang demikian, mengapa kita berdoa? Ini kerana kita melihat di sekeliling kita bahawa Kerajaan Tuhan belum ditubuhkan sepenuhnya. Kita berdoa agar Kerajaan Tuhan akan datang ke atas setiap keadaan di mana perintah Tuhan dilanggar, kehendak-Nya yang sempurna tidak dilaksanakan, terdapatnya kejahatan, kebaikan ditindas, Nama-Nya tidak dihormati, berlaku ketidakadilan.

Bila kita boleh berhenti berdoa? Selagi kita tidak melihat Kerajaan Tuhan ditubuhkan sepenuhnya dalam hidup dan persekitaran, kita harus terus berdoa. Kami tidak boleh berhenti berdoa selagi tidak melihat, "Kerajaan-Nya datang, kehendak-Nya akan dilakukan, di bumi seperti di syurga".

## Respons

Senaraikan perkara-perkara yang tidak mengikut perintah Tuhan yang terdapat dalam hidup anda, keluarga, sekolah/universiti/kolej, tempat kerja, masyarakat/gereja/rakyat dan negara. Luangkan masa untuk mencari hati dan kehendak Tuhan mengenai semua perkara ini, dan berdoaalah.

## Doa Mengubah Suasana Rohani

Hari

19

Dan ketika mereka sedang berdoa, goyanglah tempat mereka berkumpul itu dan mereka semua penuh dengan Roh Kudus, lalu mereka memberitakan firman Allah dengan berani.

KPR 4:31

Doa yang disertai dengan pujian dan pengisytiharan, mewujudkan suasana yang berpihak kepada kehendak Tuhan. Ia mengubah suasana rohani Gereja, keluarga, tempat kerja, sekolah, bandar dan negara. Ia meningkatkan tahap iman bagi mereka yang berada dalam persekutuan doa.

*"Terdapat beberapa persekutuan doa – di mana lelaki dan wanita datang, pada semua peringkat umur, dalam perpaduan, dengan fokus, tumpuan, dan keyakinan. Tuhan berbicara pada mereka yang berkumpul, menetapkan arah untuk bertindak. Perbualan mereka adalah doa, ia menjadi keutamaan mereka setiap hari - doa strategik, doa nubuatan. Keadaan yang mereka tahu dan juga banyak keadaan yang mereka tidak tahu. Ini adalah doa Roh!"*

*Dalam arahan Tuhan, kumpulan pendoa di merata tempat, kumpulan-kumpulan doa - sedang bersiap-sedia, mengisytiharkan:*

*"Kami bersekutu dalam doa, melihat atmosfera di mana pertempuran berlaku. Kami meninggikan Nama Tuhan Yang Maha Esa dan memajukan Kerajaan-Nya. Kerajaan-Nya adalah kekal, diperkuat oleh mereka yang bersekutu untuk mencapai matlamat yang benar. Kami menubuhkan sempadan dan memperjuangkan kebenaran. Kami mempunyai kekuatan di dalam diri kami dan juga kekuatan-Nya untuk menolak ancaman serta perkembangan orang-orang yang ganas dan tidak bermoral, dan kami mengenalpasti mereka yang licik dan menipu untuk didedahkan. Kami menghadapi angin puting beliung yang datang ke atmosfera, membezakan – adakah angin itu angin Tuhan atau yang lain?"*

*Kami mengenal pasti kuasa yang gelap dan menyekat kemasukannya ke rantau kami. Kami menolak berlandaskan pada Firman Tuhan segala laporan-laporan keganasan, dengan mengisytiharkan: Tidak! Tidak boleh terjadi di sini, tidak akan terjadi sekarang, tidak langsung akan berlaku. Sebaliknya kami mengesahkan... Ya! Tuhan! Di sini dan sekarang. Kerana Engkaulah empunya kerajaan syurga, kuasa dan kemuliaan! Dalam persekutuan doa, hari ini kita mengubah cakrawala, esok kita mengubah lagi, dan hari yang seterusnya, dan yang seterusnya!"*

*(Diadaptasi dari "Circles of Prayer", Renungan Harian Shirley Weaver)*

Doa yang konsisten, penuh kesungguhan, yang diketuai oleh Roh dinaikkan oleh umat Tuhan di serata tempat panggilan kita, di mana saja kita berada, akan mengiring masuk hadirat Tuhan yang amat berkuasa. Kita boleh berharap untuk melihat kehidupan manusia bertukar - dibebaskan, disembuhkan, digubah. Apa yang mustahil untuk manusia, menjadi tidak mustahil apabila Tuhan memasuki suasana kita!

### Respons

Bowalah negara dan bangsa kita kepada Tuhan pada hari ini. Jemputlah Yesus untuk datang dan menegakkan Pemerintahan dan Kekuasaan-Nya atas bidang-bidang tertentu dalam kehidupan negara kita.

Memang kami masih hidup di dunia, tetapi kami tidak berjuang secara duniawi, karena senjata kami dalam perjuangan bukanlah senjata duniawi, melainkan senjata yang diperlengkapi dengan kuasa Allah, yang sanggup untuk meruntuhkan benteng-benteng. Kami mematahkan setiap siasat orang dan merubuhkan setiap kubu yang dibangun oleh keangkuhan manusia untuk menentang pengenalan akan Allah. Kami menawan segala pikiran dan menaklukkannya kepada Kristus,

*2 Korintus 10:3-5*

Walaupun terdapat kemajuan teknologi komunikasi, pengetahuan dan peningkatan hubungan di serata dunia, namun kita masih melihat pergolakan dan konflik yang semakin meningkat. Bukan sahaja negara-negara yang 'miskin di dunia' terkesan oleh isu-isu seperti itu, malah negara-negara dan masyarakat yang lebih maju di seluruh dunia sedang menghadapi keganasan, kekacauan dan kecelaruan di tempat-tempat umum.

Di kalangan gereja-gereja, kita tidak kekurangan dari segi kesarjanaan Alkitabiah, atau diagnosis yang jelas mengenai keadaan dunia kita. Kita bahkan boleh menentukan dengan tepat di mana dan apa masalah Gereja, kadang-kadang kita lebih jelas apabila kita sedang memerhati "jiran kita". Tidak ada kekurangan analisis dan kata-kata bijak atau cadangan yang kita tawarkan kepada dunia penuh dengan huru-hara, atau kepada bahagian gereja-gereja yang telah menyimpang dari panggilan, misi dan identitinya.

Walaupun dengan semua peningkatan sumber di negara-negara dan Gereja, mengapa kita tidak dapat melihat kemajuan yang ketara dalam situasi kita? Saya percaya sebab utama ialah kita tidak menyedari bahawa kita terlibat dalam peperangan rohani! Jika kita fikir kita tidak ada peperangan dengan iblis dan tenteranya, maka kita tidak akan dengan sengaja membekalkan diri dengan senjata rohani yang sesuai. Dalam mana-mana peperangan, pemilikan senjata yang kuat hanyalah sebahagian daripada aspek peperangan. Kita perlu ada rancangan strategik, perlu berada di tempat yang tepat, dan yang paling penting adalah: dimana, bagaimana, dan bila kita akan menentang musuh kita.

Firman Tuhan memberitahu bahawa kita tidak boleh menang dalam peperangan bersifat rohani dengan senjata duniawi, walaupun secara intelektual ia masuk akal dan boleh dipercayai. Kita perlu tahu apakah senjata rohani yang kita miliki dalam Yesus Kristus. Kita juga perlu tahu di mana tempat medan peperangan. Kita perlu dilatih dan dilengkapi dengan baik. Paulus menggambarkan senjata ini sebagai "perkasa dalam Tuhan". Untuk mengambil senjata ini dan menjadi mahir dalam penggunaannya, kita perlu bergantung sepenuhnya dengan Roh Kudus dan belajar bagaimana bergerak mengikut-Nya.

Sebagai pengikut Yesus, kemenangan atas iblis dan semua pekerjaan adalah milik anda. Tetapi apakah senjata peperangan anda?

## Respons

Mintalah Tuhan untuk memperlihatkan kepada anda aspek rohani di sebalik setiap cabaran yang dihadapi. Berdoalah mengikut apa yang Tuhan tunjukkan kepada anda, bukan mengikut andaian anda sendiri.

## TUHAN Mengingat

Berkatalah kepadaku malaikat yang berbicara dengan aku itu: Serukanlah ini: Beginilah firman TUHAN semesta alam: Sangat besar usaha-Ku untuk Yerusalem dan Sion, tetapi sangat besar murka-Ku terhadap bangsa-bangsa yang merasa dirinya aman, yang, sementara Aku murka sedikit, telah membantu menimbulkan kejahatan. Sebab itu, beginilah firman TUHAN, Aku kembali lagi kepada Yerusalem dengan kasih sayang. Rumah-Ku akan didirikan pula di sana, demikianlah firman TUHAN semesta alam, dan tali pengukur akan direntangkan lagi di atas Yerusalem. Serukanlah ini selanjutnya: Beginilah firman TUHAN semesta alam: Kota-kota-Ku akan berlimpah-limpah pula dengan kebajikan, dan TUHAN akan menghiburkan Sion dan akan memilih Yerusalem pula."

Zakharia 1:14-17

Nabi Zakharia, yang namanya berarti "Yahweh mengingat", memberitahu kita mengenai semangat dan kasih Allah terhadap umat-Nya, dan Dia ingat akan Perjanjian yang Dia buat dengan Israel. Sebab, Allah itu setia. Dia tidak akan melupakan umat-Nya, atau nasib mereka. Walaupun Israel telah berdosa dan menyakiti TUHAN mereka secara mendalam melalui penyembahan berhala dan kezaliman, yang mana telah membawa kepada mereka kutukan dosa, TUHAN masih menjangkau mereka dalam belas kasihan.

TUHAN bukan sahaja mengingati umat-Nya dan menjaga mereka pada masa-masa kesulitan, Dia juga mengingati musuh-musuh mereka yang tidak berbelas kasihan terhadap mereka. Sungguh menyenangkan untuk mengetahui bahawa Allah dan Bapa Syurgawi kita tidak pernah melupakan kita. Dia sentiasa bersedia untuk menyembuhkan dan memulihkan kita apabila kita bertaubat. Lebih menyenangkan lagi, kita mengetahui bahawa Dia tidak akan melupakan mereka yang mengusik orang-orang yang Dia urapi!

Dia sangat giat terhadap anda! Dia mengasihi anda dan akan menjaga anda dengan cemburu, dan akan menghukum mereka yang cuba menyakiti atau menghancurkan anda.

*Ketika jumlah mereka tidak seberapa, sedikit saja, dan mereka orang-orang asing di sana, dan mengembara dari bangsa yang satu ke bangsa yang lain, dan dari kerajaan yang satu ke suku bangsa yang lain, Ia tidak membiarkan siapapun memeras mereka; dihukum-Nya raja-raja oleh karena mereka: "Jangan mengusik orang-orang yang Kuurapi, dan jangan berbuat jahat terhadap nabi-nabi-Ku!" Bernyanyilah bagi TUHAN, hai segenap bumi, kabarkanlah keselamatan yang dari pada-Nya dari hari ke hari. Ceritakanlah kemuliaan-Nya di antara bangsa-bangsa dan perbuatan-perbuatan yang ajaib di antara segala suku bangsa. (1 Tawarikh 16:19-24)*

### Respons

Pilihlah untuk memaafkan diri sendiri dan orang lain ketika berhadapan dengan kegagalan anda. Lepaskan mereka (dan diri anda) ke dalam tangan Tuhan yang memiliki kasih yang tidak pernah berkurang.

Maka bermimpilah ia, di bumi ada didirikan sebuah tangga yang ujungnya sampai di langit, dan tampaklah malaikat-malaikat Allah turun naik di tangga itu... Ketika Yakub bangun dari tidurnya, berkatalah ia: "Sesungguhnya TUHAN ada di tempat ini, dan aku tidak mengetahuinya." Ia takut dan berkata: "Alangkah dahsyatnya tempat ini. Ini tidak lain dari rumah Allah, ini pintu gerbang sorga."

*Kejadian 28:12, 16-17*

Yakub diusir dari rumahnya ke Padan-Aran kerana perselisihannya dengan abangnya, Esau, selepas dia menerima berkat anak sulung daripada ayahnya (Kejadian 28:7). Kemudian dalam perjalanannya, dia mengalami satu pertemuan yang luar biasa dengan TUHAN di Betel (Kejadian 28:10-22). Di Betel, Yakub menerima pengesahan janji-janji Allah kepada datuk dan ayahnya. Inilah kali pertama Allah menampakkkan diri-Nya kepadanya dan menyakinkan Perjanjian-Nya dengan Yakub.

Betel juga merupakan tempat pertama Abraham mendirikan mezbah untuk menyembah Allah (Kejadian 12:7-8). Kebetulan? Saya lebih cenderung berfikir yang sebaliknya. Setelah Abraham mendengar panggilan Allah untuk meninggalkan rumah ayahnya dan menuju ke Kanaan, dia mematuhi dalam iman dan pergi ke Betel untuk mendirikan mezbah pertamanya untuk menyembah TUHAN-nya. Perbuatannya itu telah mengesahkan dan memeteraikan Perjanjian dia dengan Allah. Setiap tindakan penyembahan dalam iman dan penghormatan terhadap TUHAN, akan mengesahkan Perjanjian kita dengan Dia. Kita yang ditebus oleh Darah Yesus mempunyai satu Perjanjian yang lebih tinggi dengan Allah.

Allah mengingati kesalehan manusia. Tanah di mana penyembahan dipersembahkan, mempunyai "ingatan" terhadap penyembahan tersebut. Apabila penyembahan diangkat kepada Allah, Allah akan mengingati tanah itu dan akan melawatnya dengan hadirat-Nya yang nyata. Apabila penyembahan dipersembahkan kepada iblis, maka tanah tersebut akan dinajiskan dan terbuka kepada pekerjaannya.

Seperti yang diserukan oleh Yakub, "Alangkah dahsyatnya tempat ini. Ini tidak lain dari rumah Allah, ini pintu gerbang sorga." Mari kita saling mendorong satu sama lain, setiap kali kita berhimpun bersama-sama menyembah TUHAN di gereja, Allah akan mengingati. Dan Dia pasti akan melawat kita dengan hadirat-nya yang nyata, kemuliaan shekinah-Nya (shekinah glory). Kerana Rumah Allah bukan hanya sekadar sebuah bangunan, tetapi satu tempat di mana Allah dihormati dan disembah. Di mana Rumah Allah berada, di situlah Gerbang Syurga!

### Respons

Berdoa untuk ibadah gereja anda, agar Allah akan selalu menampakkkan diri-Nya untuk menjamah dan mengubah hidup umat-Nya.



## Gerbang Mujizat

Lalu kata Yesus kepadanya: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya engkau akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik kepada Anak Manusia."

*Yohanes 1:51*

Dan inilah kesaksian itu: Allah telah mengaruniakan hidup yang kekal kepada kita dan hidup itu ada di dalam Anak-Nya. Barangsiapa memiliki Anak, ia memiliki hidup; barangsiapa tidak memiliki Anak, ia tidak memiliki hidup.

*1 Yohanes 5:11-12*

Salah satu ciri-ciri yang menandai Gereja zaman awal ialah kejadian mujizat dalam pelayanannya. Walaupun mujizat-mujizat ini bukanlah tujuan dalam dirinya, Allah melakukannya untuk memberi kesaksian terhadap Injil, untuk mengesahkan firman-Nya. Mujizat berlaku untuk satu tujuan – tujuan Allah, untuk menarik manusia kepada diri-Nya. Semuanya berlaku untuk satu tujuan utama, iaitu untuk memuliakan TUHAN.

Yesus, pada permulaan pelayanan-Nya di bumi, pernah menggambarkan diri-Nya sebagai gerbang yang menghubungkan syurga dan bumi. Dia menggerakkan kuasa-syurgawi dan realiti-syurgawi ke bumi, dengan melakukan mujizat atas alam semulajadi, menyembuhkan penyakit, mengusir kuasa kegelapan dan mengampuni dosa. Inilah gaya hidup yang Allah ingin kita alami dan nikmati. Apabila kita mengundang Yesus ke dalam hidup kita, maka "Gerbang Syurgawi" tinggal di dalam kita. Apabila kita hidup tunduk kepada Ketuhanan Yesus, maka mujizat akan terjadi dalam diri kita.

Allah telah menetapkan kita sebagai Gereja-Nya, umat-Nya, generasi yang terpilih untuk mencerminkan kemuliaan-Nya dan memberitakan perbuatan-perbuatan besar-Nya. Dia telah memanggil Gereja untuk menjadi "Gerbang Mujizat" di mana pun kita berada. Kristian dipanggil untuk menjadi "Gerbang Mujizat" – gerbang antara syurga dan bumi. Pada saat Gereja menyembah Allah secara kolektif dan secara individu, melayani Dia dan tujuan-Nya, hidup dalam ketaatan akan firman-Nya, mencari Kerajaan-Nya terlebih dahulu, mengikuti contoh Yesus, Dia akan terlebih dahulu melakukan transformasi dan kesembuhan mujizat dalam diri kita. Kemudianyua, kita akan menjadi penghubung kuasa Allah kepada bumi, benar-benar menjamah syurga dan mengubah bumi!

Anda adalah "Gerbang Mujizat"!

### Respons

Sekiranya hidup anda perlu perubahan, atau mungkin memerlukan baik pulih, jemput Yesus, TUHAN yang mengerjakan mujizat, ke dalam bahagian-bahagian hidup anda tersebut. Izinkan Dia untuk mengatur seluruh hidup anda.

# Pembekalan Kerajaan

Datanglah Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di sorga. Berikanlah kami pada hari ini makanan kami yang secukupnya

*Matius 6:10-11*

Hari

24

Yesus dalam beberapa ayat, mengajar murid-murid-Nya cara untuk berdoa. Dia memulai dengan membawa mereka fokus pada "gambaran besar", yang tertumpu pada penubuhan Kerajaan-Nya di bumi. Oleh kerana rencana Allah dipatuhi dan disempurnakan dengan sepenuhnya di syurga, maka petisyen dalam Doa Bapa kami yang berikutnya, memberi ekspresi atau gambaran kepada apa yang TUHAN kehendaki, apabila ia dilaksanakan di bumi: keperluan kita tetap disediakan.

Kita sering meminta TUHAN untuk pembekalan yang kita boleh simpan untuk jangka masa panjang dan peroleh untuk masa depan. Umat Israel diajar mempercayai Allah untuk pembekalan seharian mereka, tanpa mempunyai apa-apa jaminan, tetapi hanya berasaskan kata-kata yang tidak pernah gagal yang diucapkan oleh Allah yang memelihara Perjanjian. Setiap hari, mereka menerima manna yang segar dari syurga. Mereka perlu belajar bergantung pada TUHAN dan percaya pada kasih dan kesetiaan-Nya terhadap mereka. Hanya pada saat itulah, mereka layak untuk menakluki dan memiliki Tanah Perjanjian.

Begitu juga, Yesus memberitahu murid-murid-Nya agar mempercayai Bapa untuk pembekalan. *"Pandanglah burung-burung di langit, yang tidak menabur dan tidak menuai dan tidak mengumpulkan bekal dalam lumbung, namun diberi makan oleh Bapamu yang di sorga. Bukankah kamu jauh melebihi burung-burung itu?... Jadi jika demikian Allah mendandani rumput di ladang, yang hari ini ada dan besok dibuang ke dalam api, tidakkah Ia akan terlebih lagi mendandani kamu, hai orang yang kurang percaya?" (Matius 6:26, 30)*

TUHAN menyakinkan kita bahawa Bapa Syurgawi kita akan membekalkan keperluan kita, anak-anak-Nya, apabila kehendak dan Kerajaan-Nya datang kepada kita di bumi. Oleh itu, Dia menasihati kita, *"tetapi carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenarannya, maka semuanya itu akan ditambahkan kepadamu" (Matius 6:33)*. Sebaliknya, jika kita mempunyai pergumulan dalam pembekalan kita, ia menunjukkan kehendak Allah belum lagi dipatuhi dan disempurnakan sepenuhnya dalam hidup kita. Penyelesaiannya adalah berdoa, "Datanglah Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di sorga."

## Respons

Mintalah Tuhan untuk memperlihatkan kepada anda aspek rohani di sebalik setiap cabaran yang dihadapi. Berdoalah mengikut apa yang Tuhan tunjukkan kepada anda, bukan mengikut andaian anda sendiri.

## Dimentor oleh Seseorang

Sebab aku ingin melihat kamu untuk memberikan karunia rohani kepadamu guna menguatkan kamu, yaitu, supaya aku ada di antara kamu dan turut terhibur oleh iman kita bersama, baik oleh imanmu maupun oleh imanku.

*Roma 1:11-12*

Hari

25

Kita membesar secara rohani sewaktu kita belajar, dan sememangnya, setiap peluang untuk belajar adalah sangat berharga. Jika saya mempunyai peluang untuk memilih di antara, diajar untuk memperolehi pengetahuan, atau mengutip hikmah daripada pemimpin yang hidupnya berpusatkan TUHAN dan matang, saya akan memilih pilihan yang kedua, percaya akan TUHAN atas hikmah dan kualiti gaya hidup yang akan diberikan oleh mereka.

Saya percaya pemuridan Kristian haruslah sebegini – mentor dan menanam (impartation) adalah bahagian penting dalam latihan Kristian, dengan pemahaman kematangan adalah tujuan utama dalam pemuridan. Saya juga percaya bahagian ini akan menghadapi permusuhan kegelapan, dan dalam iman, mengubah hasil persaingan menjadi satu impak positif untuk semua bidang budaya.

Oleh kerana itu, kita perlu menghargai berkat yang diterima daripada mentor yang berpengalaman dan berfokuskan Allah. Bandingkan arahan mereka dengan ajaran yang tidak bertumpukan firman Allah atau doa atau prinsip-prinsip Kristian, tetapi sebaliknya mengambil dari asas humanistik di mana hanya “pengetahuan” sahaja merupakan hasilnya.

“Dalam segala keadaan pergunakanlah perisai iman”. Fikirkan perisai sebagai firman dari Allah, yang boleh memadamkan strategi dan kaedah Syaitan. Selain daripada firman-Nya, senjata-senjata kita adalah terhad kepada sifat-sifat manusia – seperti pemikiran positif, kebaikan diri, atau kaedah manusia yang rumit dan sering kali mahal. Namun, malangnya, apabila Syaitan datang untuk mencuri, membunuh dan membinasakan, kaedah-kaedah humanistik itu tidak berkuasa untuk menghentikan pencerobohnya.

Dalam peperangan, tidak kira siapakah anda, apa yang anda lakukan, atau di mana anda tinggal. Apa yang penting adalah anda bersenjatakan Firman Allah untuk menentang apa-apa yang bertentangan dengan firman Allah. Hari ini, kita memerlukan mentor yang matang yang tahu bagaimana untuk mengutamakan Firman Allah terlebih dahulu pada setiap masa, dan boleh mementor dan mengajar kita melakukan perkara yang sama.

*Dipetik daripada Shirley Weaver's Daily Devotion*

### Respons

Berdoa dan meminta daripada Allah:

1. Seorang mentor rohani untuk diri anda
2. Seseorang yang anda boleh mentor supaya bertumbuh matang secara rohani

## Kekuatan dalam kerendahan hati

Hari

26

Kata Petrus kepada-Nya: "Biarpun mereka semua tergoncang imannya, aku tidak." Lalu kata Yesus kepadanya: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya pada hari ini, malam ini juga, sebelum ayam berkokok dua kali, engkau telah menyangkal Aku tiga kali." Tetapi dengan lebih bersungguh-sungguh Petrus berkata: "Sekalipun aku harus mati bersama-sama Engkau, aku takkan menyangkal Engkau." Semua yang lainpun berkata demikian juga.

*Markus 14:29-31*

Petrus pasti rasa keyakinan dirinya sangat tinggi. Lagipun, dia mempunyai rekod prestasi yang baik. Dia sangat kenal Yesus, pernah menyaksikan kuasa-Nya, pernah mengalami pekerjaan yang luar biasa dari otoritas-Nya ketika dia diutus ke ladang misi. Dan berapa orang murid Yesus yang pernah berjalan di atas air? Tidak menghairankan kala dia yakin kekuatan yang dia ada mencukupi untuk menghadapi ujian kecil.

Kita tahu apa yang berlaku dan cerita keyakinan dirinya. Keangkuhan, sering memperbesarkan kekuatan kita, dan memperkecilkan cabaran. Keangkuhan mendahului kebinasaan. Keangkuhan walaupun dalam hal-hal baik yang kita terima daripada TUHAN, boleh menyalahtempatkan keyakinan kita pada karunia Allah, dan bukan kepada TUHAN yang memberikan karunia yang baik. Kita harus bersyukur kepada TUHAN dan bersukacita atas karunia-Nya. Tetapi kita tidak boleh hanya bersandar pada karunia tersebut dan tidak mempercayai si Pemberi.

Kerendahan hati, bagaimanapun, memperlihatkan diri kita yang sebenar, secara jujur. Kerendahan hati akan mendedahkan kelemahan kita. Ia boleh menjadi agak merosakkan dan menakutkan. Adakah saya cukup baik untuk TUHAN? Adakah saya mempunyai apa yang diperlukan untuk berjaya? Ini adalah beberapa soalan yang mungkin kita tanyakan kepada diri sendiri jika kita melihat diri kita secara jujur. Kerendahan hati tidak akan menafikan kekuatan kita tetapi ia mengakui kelemahan kita. Ia tidak akan memperkecilkan kekuatan kita atau memperbesarkan masalah. Ia akan menunjukkan kita keperluan untuk bersandar pada orang lain kerana kekurangan kita. Kerendahan hati akan membawa kita bergantung pada Allah. Dan itulah permulaan kekuatan yang sebenar!

Keangkuhan fokus pada diri sendiri. Kerendahan hati yang benar menjadikan hidup kita berpusatkan Allah, TUHAN yang mengasihi kita. Kerendahan hati mengenali siapa kita sebenarnya di hadapan TUHAN, dan akan membawa kita mengalami kasih dan penerimaan Allah yang tanpa syarat. Ia akan menarik kita lebih dekat dan lebih intim dalam hubungan kita dengan TUHAN. Kekuatan sebenar Petrus muncul apabila Yesus menyoal, "apakah engkau mengasihi Aku lebih dari pada mereka ini?", dan Petrus menjawab, "benar Tuhan, Engkau tahu, bahwa aku mengasihi Engkau".

Ada kekuatan dalam kerendahan hati. Dalam kerendahan hati kita akan mengalami kekuatan dan keintiman luar biasa Allah.

### Respons

Berdoa untuk semua pemimpin – pemimpin rohani, pemimpin kerajaan, ibu bapa, pemimpin dalam setiap bidang kehidupan. Isytiharkan perlindungan ke atas mereka dan berkati mereka.

# Dihormati Allah

Hari

27

Jauhlah hal itu dari pada-Ku! Sebab siapa yang menghormati Aku, akan Kuhormati, tetapi siapa yang menghina Aku, akan dipandang rendah.

*1 Samuel 2: 30b*

Ketika seseorang dihormati, ia akan membawa kepadanya dorongan dan rasa dihargai. Apabila kita menghormati seseorang, ia juga berarti kita mengenali nilai dia, atau sumbangan yang dia telah berikan kepada masyarakat dan orang lain. Manusia mencari kehormatan dan pujian daripada rakan sebaya mereka atau daripada orang atasan mereka atas apa yang mereka telah lakukan.

Namun, ada orang yang kita hormati bukan kerana tindaklaku mereka, tetapi kerana keperibadian mereka. TUHAN memerintahkan kita untuk menghormati ibu bapa kita bukan hanya untuk apa yang mereka telah lakukan, tetapi untuk siapa mereka. Begitu juga, kita harus menghormati Allah untuk peribadi-Nya, bukan untuk berkat dan manfaat yang kita boleh terima atau berharap menerima daripada-Nya. Kita dicipta menurut gambar dan rupa-Nya untuk mencerminkan kemuliaan-Nya. Untuk mencerminkan kemuliaan-Nya berarti kita harus membuat kemuliaan-Nya diketahui, menyembah Dia dan menghormati Dia dalam hidup kita. Menghormati Allah berarti kita mengambil berat Nama-Nya, menanggapi hal-hal-Nya dengan serius, dan mengutamakan agenda-Nya.

Allah sangat gembira apabila-anak-anak-Nya menghormati Dia lebih daripada diri mereka. Dia ingin menghormati mereka yang menghormati-Nya. Apabila Allah menghormati kita, Dia akan mengesahkan identiti kita, nilai kita dan panggilan kita. Apabila Allah menghormati kita, Dia akan memperlimpahkan pembekalan dan pengiktirafan-Nya. Apabila Dia menghormati kita, manusia akan menunjukkan kehormatan yang sewajarnya terhadap kita.

Jangan mencari kehormatan daripada manusia, tetapi menghormati Allah dan mencari kehormatan Kerajaan-Nya terlebih dahulu. Dan membenarkan Allah menghormati kita sebagaimana Dia fikir patut. Itulah cara hidup terbaik!

## Respons

Berdoa untuk kesembuhan dan pemulihan hubungan, agar wujudnya kehormatan dalam keluarga dan gereja, di antara ibu bapa dan anak, di antara penyembah dan Allah, dan antara satu sama lain. Berdoa untuk kesembuhan bagi mereka yang pernah didera dalam apa-apa jenis hubungan.

## Apa yang baik, harus dikongsi

Hari

28

Karena itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman.

*Matius 28:19-20*

Seorang ejen insuran hayat pernah berkongsi dengan saya tentang strategi mudah mengembangkan agensinya: selalu berkongsi produk syarikat dengan orang lain. Dia juga memberitahu saya jika kita sendiri tidak yakin dengan produk tersebut, kita tidak boleh menjadi seorang ejen yang berjaya. Kunci "penggandaan" untuk berjaya yang lain adalah sentiasa memerhatikan keperluan sebenar pelanggan.

Bunyiya sama seperti apa yang kita dengar dari sekolah penginjilan! Akan tetapi, kita mempunyai satu mesej dan "produk" yang lebih unggul untuk dikongsi dengan orang lain. Ia adalah sesuatu yang akan memenuhi keperluan sebenar setiap orang di setiap titik masa kehidupan mereka. Injil merupakan satu mesej menyeluruh yang Allah sediakan untuk manusia. Ia adalah satu hadiah yang kita tidak mampu menolak atau terlepas. Namun, kecuali kita benar-benar yakin akan mesej tersebut, kita tidak akan mengongsi mesej tersebut tanpa lelah.

Jika kita menerima berita baik, tidakkah kita ingin mengkongskannya? Jika kita menikmati suatu berkat, tidakkah kita ingin menyebarkannya? Soalan utama ialah: adakah kita benar-benar menerimanya? Adakah kita benar-benar menikmatinya? Jika kita tidak mengalami realiti Yesus dan hadirat-Nya di dalam hidup kita, setiap kesetiaannya yang kita tujukan kepada-Nya hanyalah secara intelektual sahaja. Hanya apabila kita mengalami Dia, kita akan mengkongsi Dia dengan orang lain tanpa rasa lelah.

Amanat Agung yang Yesus perintahkan kita untuk ikuti disertai dengan satu janji: Dia janjikan hadirat-Nya akan berserta kita, sehingga ke akhir zaman. Ini bererti ketika kita menjalankan misi ini, Dia menjanjikan kita Dia tidak akan membiarkan kita berjalan bersendirian!

### Respons

Berdoa untuk Gereja bahawa setiap jemaat akan mengalami Yesus dengan lebih mendalam, agar pelayanan dan penginjilan Gereja akan menghasilkan banyak buah.

## Hanya lakukan apa yang Dia katakan

Tetapi ibu Yesus berkata kepada pelayan-pelayan: "Apa yang dikatakan kepadamu, buatlah itu!" Di situ ada enam tempayan yang disediakan untuk pembasuhan menurut adat orang Yahudi, masing-masing isinya dua tiga buyung. Yesus berkata kepada pelayan-pelayan itu: "Isilah tempayan-tempayan itu penuh dengan air." Dan merekapun mengisinya sampai penuh. Lalu kata Yesus kepada mereka: "Sekarang cedoklah dan bawalah kepada pemimpin pesta." Lalu merekapun membawanya.

*Yohanes 2:5-8*

Dalam perjalanan Kristian saya, saya diajar supaya tidak melakukan apa-apa dalam pelayanan kecuali saya sangat yakin dengannya. Ia bermula dengan hati kita, yakin akan apa yang kita lakukan adalah benar-benar berbaloi. Tanpa sebarang keraguan, ia merupakan satu nasihat yang baik. Apabila hati kita ditangkap oleh kasih Allah, hanya pada masa itu kita boleh melayani TUHAN dalam kasih dan kesyukuran.

Dalam mujizat Yesus di mana Dia mengubah air menjadi anggur, terdapat sekurang-kurangnya dua pihak yang tidak mempunyai keyakinan yang mendalam tentang apa yang mereka lakukan. Yesus tidak begitu berminat dengan masalah yang dihadapi-Nya – majlis perkahwinan kehabisan anggur. Kata Yesus kepadanya: "Mau apakah engkau dari pada-Ku, ibu? Saat-Ku belum tiba" (Yohanes 2:4). Pihak yang kedua adalah pelayan-pelayan yang mengisikan tempayan dengan air. Masalah yang mereka hadapi bukanlah masalah mereka, tetapi masalah tuan rumah. Namun, tuan rumah sama ada tidak mempedulikan masalah tersebut, atau tidak tahu mereka sedang menghadapi masalah. Apabila pelayan-pelayan mematuhi arahan Yesus, mereka mempunyai peluang melihat mujizat Allah, di mana saya percaya ia telah mengimpak hidup mereka.

Dalam hidup kita, kadang-kadang kita akan rasa tidak bermotivasi; baik dalam pekerjaan yang kita lakukan, atau dalam pelayanan atau ibadah yang kita tujukan kepada TUHAN. Daripada merasa kecewa, atau kadang-kadang berpura-pura, lebih baik kita mencari "arahan" Yesus. Mulai dengan mematuhi arahan ketara Yesus. Antaranya ialah: saling mengasahi, memberitakan injil, jadikan orang murid Yesus, tinggal di dalam-Nya, dan sebagainya. Apabila kita berbuat sedemikian, saya percaya kita akan mengalami mujizat Allah secara langsung dalam hidup kita.

Jika kita mematuhi arahan ketara Dia, kita pasti akan merasakan kerja-Nya yang luar biasa dalam hidup kita. Tetap setia dan taat kepada TUHAN. Dia tidak pernah gagal.

### Respons

Berdoa dan meminta TUHAN untuk membantu anda membuat keputusan yang saleh di dalam setiap situasi hidup anda. Berdoa untuk kesabaran sewaktu TUHAN memimpin anda mengikut masa-Nya.

# Cahaya dimaksudkan bersinar

Hari

30

Tidak seorangpun yang menyalakan pelita lalu meletakkannya di kolong rumah atau di bawah gantang, melainkan di atas kaki dian, supaya semua orang yang masuk, dapat melihat cahayanya.

Lukas 11:33

Bilakah kita memerlukan lampu? Bukankah ketika dalam kegelapan? Kita nyalakan lampu supaya kita dapat lihat dalam kegelapan. Kegelapan mengaburkan keadaan sebenar dari pandangan kita. Sebaliknya, cahaya menghalaukan kegelapan dan mendedahkan kebenaran supaya dilihat semua orang.

Pada pagi terakhir hari raya Pondok Daun (Sukkot), Yesus berkata, *"Akulah terang dunia; barangsiapa mengikut Aku, ia tidak akan berjalan dalam kegelapan, melainkan ia akan mempunyai terang hidup"*(Yohanes 8:12). Yesus datang ke dunia ini untuk menghalau kegelapan (Yohanes 1:9). Apabila kita mengalu-alukan Terang ke dalam hidup kita, barulah kita dapat benar-benar menja-di terang dunia (Matius 5:14)

Untuk cahaya bersinar dengan efektif dan menerangi kegelapan, sekurang-kurangnya dua syarat mesti dipenuhi: cahaya harus terus menyala. Kita harus tinggal di dalam Terang Dunia, berjalan dalam terang dan terus membenarkan Terang untuk mendedahkan kegelapan di dalam kita. Syarat kedua ialah, cahaya tidak boleh dihalang. Sebuah rumah api didudukkan secara strategik di ruang terbuka, lazimnya, di atas tanah yang lebih tinggi, supaya cahayanya jelas kelihatan.

Oleh itu, kita sebagai murid Yesus dipanggil sebagai terang dunia, "kota di atas gunung" (Matius 5:14). Kita ditakdirkan untuk bersinar – untuk menjadi saksi kepada Yesus, kasih-Nya, rahmat-Nya, kuasa-Nya dan firman-Nya. Kita tidak perlu "bekerja" keras untuk bersinar untuk Yesus. Kita hanya perlu menobatkan Dia di dalam hati kita, dan membenarkan Cahaya-Nya bersinar dalam diri kita dan melalui kita. Kita perlu sudi dan bersedia untuk diposisikan oleh Yesus di mana sahaja Dia pilih, kerana apabila kita tunduk kepada Ketuhanan-Nya, kita pasti akan berada dalam keadaan hidup yang paling memuaskan.

Sinarkan cahaya mu supaya seluruh dunia akan melihat Terang-Nya!

## Respons

Sekiranya anda tertanya-tanya tentang hala tuju hidup anda, minta Yesus untuk bersinar di dalam hidup anda untuk menunjukkan jalan.



## Korban yang boleh diterima

Hari

31

Karena itu, saudara-saudara, demi kemurahan Allah aku menasihatkan kamu, supaya kamu mempersembahkan tubuhmu sebagai persembahan yang hidup, yang kudus dan yang berkenan kepada Allah: itu adalah ibadahmu yang sejati.

Roma 12:1

Semasa satu persekutuan doa, saya berasa TUHAN berbicara dengan saya mengenai persembahan. Setiap penyembahan melibatkan pengorbanan. Setiap pengorbanan yang dibuat adalah ditujukan kepada seorang penerima tertentu. Persembahan selalunya akan mempertingkatkan mutu suatu aspek hidup tertentu. Jika kita membuat pengorbanan untuk anak-anak kita, maka, kehidupan mereka akan dipertingkatkan. Hasil daripada itu, hubungan kita dengan mereka juga akan diperkayakan. Perkara yang sama berlaku dalam sebarang hubungan.

Jika kita melakukan persembahan sama ada kepada Allah atau iblis, ia dianggap sebagai penyembahan. Ia akan membentuk suatu ikatan dan perjanjian. Semua persembahan yang dilakukan sama ada untuk Allah atau iblis adalah ditetapkan oleh si penerima. Penyembah tidak boleh menentukan apa yang harus disembahkan dan bagaimana ia dilakukan. Rasul Paulus mengatakan bahawa tubuh kita adalah persembahan yang hidup. Kita boleh pilih kepada siapa pengorbanan tersebut dipersembahkan: Allah, iblis, duniawi atau kedagingan. Semasa pembaptisan, kita akan menolak ketiga-tiga pilihan yang terakhir. Namun, persembahan hidup kita mestilah "suci" (dikhhususkan) dan boleh diterima (seperti yang ditetapkan, diarahkan dan dikehendaki oleh Allah). Jika kita mempersembahkan persembahan yang TUHAN tidak kehendaki, maka apa yang kita lakukan adalah sia-sia. Jika kita menahan persembahan yang TUHAN kehendaki, maka penyembahan kita telah dikompromikan. Kesuam-suaman akan mulai merayap masuk ke dalam kehidupan rohani kita, malah ke dalam pelayanan kita.

Bagaimana pula kita tahu persembahan kita boleh diterima? Supaya kita tidak hidup dalam kesia-siaan dan kehidupan yang tidak bermakna? Rasul Paulus dalam Filipi 2:12-13 mengatakan *"Hai saudara-saudaraku yang kekasih, kamu senantiasa taat; karena itu tetaplah kerjakan keselamatanmu dengan takut dan gentar, bukan saja seperti waktu aku masih hadir, tetapi terlebih pula sekarang waktu aku tidak hadir, **karena Allahlah yang mengerjakan di dalam kamu baik kemauan maupun pekerjaan menurut kerelaan-Nya.**"* Kita harus membenarkan Allah bekerja di dalam hidup kita terlebih dahulu, mengubah hidup kita bermula dari dalam sampi luar. Jadikan kehendak Dia sebagai kehendak kita, benarkan hati-Nya menjamah hati kita. Kemudian, kita akan tahu apa kerja (persembahan) yang kita bawa akan menyenangkan Dia.

Jangan persembahkan persembahan yang tidak diperlukan, jangan menahan persembahan yang dikehendaki Allah, biar dalam panggilan dan destini kita masing-masing.

### Respons

Pilihlah untuk memaafkan diri sendiri dan orang lain ketika berhadapan dengan kegagalan anda. Lepaskan mereka (dan diri anda) ke dalam tangan Tuhan yang memiliki kasih yang tidak pernah berkurang.

## Kehidupan kekal bermula sekarang

Pada waktu Yesus berangkat untuk meneruskan perjalanan-Nya, datanglah seorang berlari-lari mendapatkan Dia dan sambil bertelut di hadapan-Nya ia bertanya: "Guru yang baik, apa yang harus kuperbuat untuk memperoleh hidup yang kekal?"... Tetapi Yesus memandang dia dan menaruh kasih kepadanya, lalu berkata kepadanya: "Hanya satu lagi kekuranganmu: pergilah, juallah apa yang kaumiliki dan berikanlah itu kepada orang-orang miskin, maka engkau akan beroleh harta di sorga, kemudian datanglah ke mari dan ikutlah Aku." Mendengar perkataan itu ia menjadi kecewa, lalu pergi dengan sedih, sebab banyak hartanya

*Markus 10:17, 21-22*

Seorang anak muda, yang jelas seorang yang alim, datang kepada Yesus untuk mencari kehidupan kekal. Apa yang pasti ialah dia menemui Juruselamat dunia. Tetapi akhirnya, dia pergi dalam kesedihan. Kerana dia tidak sanggup melakukan sesuatu yang diminta pada masa itu – menjual semua hartanya dan berikan kepada orang-orang miskin. Sesetengah penterjemahan mengatakan "dia sangat kaya". Tetapi perkataan "harta" memberikan satu gambaran yang lebih tepat. Harta – apa yang dia miliki yang dia boleh gunakan.

Harta kita tidak terhad kepada wang atau hartanah, saham atau mata wang kripto, tanah atau barang kemas. Ia juga termasuk semua keistimewaan, manfaat, karunia, kerjaya, dan sebagainya, yang mana kita boleh pilih untuk menggunakannya atau menyerahkannya. Tidak ada yang salah atau jahat dalam semua hal ini. Malah, ia adalah berkat daripada TUHAN. Namun, apabila harta-harta ini menjadi sumber keselamatan, penghiburan dan keyakinan kita, maka ia akan menghalang kita dari memasuki kehidupan kekal yang diberikan oleh Yesus.

Harta-harta yang kita tidak sanggup untuk berikan akan "memiliki" kita. Jadi, siapakah pemilik yang sebenarnya? Benda-benda yang kita berpegang teguh mungkin adalah tipu helah musuh. Ia juga mungkin adalah corak kedagingan, atau respons yang berdosa terhadap suatu keadaan, di mana kita mencari penghiburan dan kesenangan pada benda yang tidak saleh, atau perkara-perkara yang jelasnya berdosa. Melepaskan "harta-harta" ini adalah kunci untuk kita mengalami kehidupan yang berkelimpahan yang Yesus janjikan.

Kehidupan kekal bermula sekarang. Ia bermula dengan kehidupan yang berkelimpahan yang Yesus sanggup berikan kepada kita di atas bumi ini. Apakah "harta" anda? Adakah anda sanggup menukarkannya dengan kehidupan kekal yang bermula sekarang di sini? Ia mungkin tidak bera- pa selesa, tetapi anda harus memilihnya jika anda ingin mewarisi kehidupan kekal ini. Pilihannya sangat jelas.

### Respons

Meminta TUHAN untuk mendedahkan kepada anda apa-apa yang mungkin "memiliki" anda. Bertaubat kerana anda telah menjadikannya sumber keselamatan dan penghiburan anda. Jadikan TUHAN sebagai keselamatan dan penghiburan pada masa-masa keperluan.

## Talian Hayat

Hari

33

Inilah yang diperlihatkan-Nya kepadaku: Tampak Tuhan berdiri dekat sebuah tembok yang tegak lurus, dan di tangan-Nya ada tali sipat. Lalu berfirmanlah TUHAN kepadaku: "Apakah yang kaulihat, Amos?" Jawabku: "Tali sipat!" Berfirmanlah Tuhan: "Sesungguhnya, Aku akan menaruh tali sipat di tengah-tengah umat-Ku Israel; Aku tidak akan memaafkannya lagi.

*Amos 7:7-8*

Tali sipat adalah satu tali yang diikatkan dengan pemberat yang muncung di hujungnya. Untuk membina dinding yang tegak, pembina harus berdiri dekat dengan dinding tersebut, menggunakan tali sipat dan ukur integriti menegak dinding tersebut. Setiap kali tali sipat disebut dalam Perjanjian Lama, ia selalunya melibatkan penghakiman Allah terhadap Israel.

Bagaimanapun, ini adalah rahmat Allah untuk umat-Nya. Hanya dengan tali sipat Allah, iaitu piawai kebenaran dan kesucian-Nya yang kekal, diukur terhadap hidup kita dan semua yang ada di dalamnya, maka kita boleh tahu sama ada kita berjalan di atas jalan-Nya. Apa-apa yang tidak selaras dengan tali sipat-Nya akan tertakluk kepada penghakiman-Nya. Ia juga bererti, apabila kita mengukur hidup kita, kerja kita, pelayanan, hubungan keluarga, kerajaan, budaya dan sebagainya mengikut tali sipat Allah, maka kita akan tahu sama ada kita selaras dengan rencana dan tujuan-Nya.

Sama seperti dinding yang bengkok tidak dapat menampung bangunan yang besar, hidup yang tidak selaras dengan piawai Allah juga tidak dapat menampung masa depan yang berkelimpahan dan makmur. Kita tidak dapat berdoa dan melayani dari kedudukan kemenangan jika hidup kita tidak selaras dengan Allah. Apabila garis ditarik, maka pilihan ada di tangan kita. Kita boleh pilih untuk "mengikut garis-Nya" – berjalan dalam ketaatan dan menyelaraskan jalan kita dengan jalan-Nya, atau kita boleh terus mengabaikan amaran-Nya. Jika kita memilih pilihan yang kedua, kita mungkin mendapati diri kita bergerak dalam kitaran kekecewaan dan kesia-siaan yang berulang-ulang.

TUHAN sedang menarik garis di antara kita. Dia sedang menetapkan tali sipat di antara umat-Nya. Dia juga sedang memperlihatkan kita diri-Nya, piawai-Nya dan apa yang Dia rasa penting bagi kita. Kita harus memilih dengan bijak. Allah tidak membedakan manusia. Dia tidak berat sebelah. Apabila Dia mendedahkan kepada kita kegagalan, kelemahan dan kesilapan kita, Dia sedang melanjutkan rahmat-Nya kepada kita. Dia sedang melanjutkan talian hayat kepada kita di tengah-tengah kesulitan kita dan pergumulan yang seolah-olah tidak berkesudahan. Dia ingin menyelamatkan kita daripada kesulitan kita. Peganglah talian itu! Pilihlah pihak-Nya, dan kita akan mengalami penerobosan pada tahun ini!

### Respons

Renungkan dan ukur dengan tali sipat kebenaran Allah, dalam: a) kehidupan peribadi; b) keluarga; c) kerja dan pelayanan; d) negara kita. Berdoa agar setiap bahagian ini akan menjadi selaras dengan piawai Allah.

## Lihat dan Percaya

Hari

34

Maka datanglah orang-orang buta dan orang-orang timpang kepada-Nya dalam Bait Allah itu dan mereka disembuhkan-Nya. Tetapi ketika imam-imam kepala dan ahli-ahli Taurat melihat mujizat-mujizat yang dibuat-Nya itu dan anak-anak yang berseru dalam Bait Allah: "Hosana bagi Anak Daud!" hati mereka sangat jengkel,

*Matius 21:14-15*

Yesus baru sahaja dialu-alukan ke dalam kota Yerusalem. Dia disambut seperti seorang Raja Yahudi, menunggang seekor keldai. Lalu Yesus masuk ke Bait Allah dan mengusir semua aktiviti ketamakan dan eksploitasi, membalikkan meja-meja penukar wang dan pedagang yang mengambil kesempatan pada para penyembah, yang mengaut keuntungan yang besar daripada mereka. Yesus memulihkan dan membetulkan semula fokus Bait Allah, iaitu tempat menyembah Allah dan rumah doa bagi segala bangsa. Dia juga memperlihatkan para penyembah apa yang mereka boleh lihat dan alami dalam Bait Allah – hadirat, belas kasihan dan rahmat Allah. Yesus menyembuhkan, dan memulihkan pengharapan akan kehidupan yang berkelimpahan, bagi mereka yang datang ke Bait Allah untuk mencari-Nya. Anak-anak juga berseru, "Hosana bagi Anak Daud!" yang bererti, "Allah akan menyelamatkan".

Pada masa yang sama, orang-orang Farisi melihat semua kejadian ini, dan hati mereka sangat jengkel.

Melihat, kadangkala tidak bererti percaya. Ia bergantung pada bagaimana kita melihatnya. Jika kita melihat dengan jangkaan tertentu yang berat sebelah, maka kita tidak akan nampak kebenaran. Hanya apabila kita melihat Kebenaran, kita akan mengalami kebebasan. Hanya apabila kita melihat Kebenaran, kita akan mendengar suara Allah. Orang-orang Farisi tidak dapat melihat kebenaran terhadap keseluruhan perkara tersebut, oleh itu apabila mereka mendengar pujian orang ramai, mereka tidak dapat mendengar pengesahan Allah terhadap perbuatan Yesus, sebaliknya, mereka jengkel.

Semasa Minggu Suci yang akan datang ini, mari kita meminta TUHAN untuk memperlihatkan Kebenaran-Nya – Yesus. Mari kita singkirkan apa-apa kecenderungan atau prasangka peribadi (jika ada), dan meminta TUHAN untuk membuka mata kita untuk melihat siapa Yesus sebenarnya dan apa yang Dia sedang lakukan, supaya kita juga boleh mendengar apa yang Dia katakan kepada kita.

### Respons

Luangkan masa pada hari ini untuk menyembah dan memuji Yesus, Anak Daud yang datang untuk menyelamatkan kita dan memberi kita kehidupan yang berkelimpahan. Berdoa untuk mereka yang berada di dalam keluarga anda, kejiiran anda, tempat kerja atau sekolah, agar mereka akan menemui Yesus dan juga mengalami rahmat keselamatan-Nya.

# Menghubungkan Syurga dan Bumi

Hari

35

Lalu kata Yesus kepadanya: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya engkau akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik kepada Anak Manusia."

*Yohanes 1:51*

Yesus mengatakan ayat ini pada permulaan pelayanan-Nya di muka bumi ini. Satu kenyataan yang berani dan yang membuka fikiran mengenai intipati misi-Nya. Dia datang untuk menangani satu perkara yang memisahkan manusia dari TUHAN, dan bumi dari mengalami syurga. Semua yang Yesus lakukan di atas kayu Salib adalah untuk memulihkan manusia kepada niat dan tujuan asal di mana mereka dicipta – mendamaikan kita dengan Bapa, dan mencerminkan kemuliaan-Nya supaya kita memerintah bersama-sama dengan Kristus.

Yesus menggambarkan Diri-Nya sebagai penghubung di antara realiti syurga dan keadaan bumi. Hadirat alam Allah boleh dialami di atas bumi, jelas dalam dan melalui Kristus. Dengan demikian, daripada buku-buku Injil kita boleh mengetahui Yesus menyembuh, mengusir iblis, membangkitkan orang mati, bernubuat, memperlihatkan keperibadian Allah Bapa dan Kebenaran-Nya. Semua ini tidak akan berlaku walaupun dengan usaha terbaik manusia.

Doa-doa dan pujian membolehkan kita sebagai murid Yesus untuk menjamah realiti syurga. Kita yang telah menerima Yesus sebagai TUHAN kita, dilayakkan untuk menjadi anak Allah. Kita mempunyai "penghubung syurga dan bumi" tinggal di dalam kita. Pada saat kita berdoa dan memuji, apabila kita fokus pada Yesus dan Kerajaan-Nya, kita akan mengaktifkan penghubung ini di dalam kita. Itulah sebabnya apabila kita berdoa, penyembuhan terjadi. Apabila kita berdoa dan mencari dahulu Kerajaan Allah, Dia akan memperlihatkan diri-Nya kepada kita dan menambah kepada kita lebih daripada apa yang kita perlukan atau boleh bayangkan. Apabila kita berdoa dan memuji, kita akan menjadi semakin dekat dengan Bapa.

Hanya apabila kita menjamah syurga, kita baru boleh mengubah bumi. Hanya apabila kita menjalin hubungan yang intim dan dinamik dengan "penghubung syurga dan bumi", iaitu Yesus, kita baru boleh menjamah syurga. Hanya apabila kita mencari Dia dalam doa dan pujian, kita baru boleh mendengar suara-Nya dalam firman-Nya, dan kemudian kita boleh mengenali-Nya dengan lebih intim.

## Respons

Berdoa untuk diri anda dan orang lain, agar anda dapat memperdalamkan keintiman anda dengan Allah. Berdoa agar semua yang anda ketahui mengenai Yesus akan menjadi sebahagian daripada realiti dalam kehidupan seharian anda.

## Pertemuan rapat secara syurgawi

Ia akan melahirkan anak laki-laki dan engkau akan menamakan Dia Yesus, karena Dialah yang akan menyelamatkan umat-Nya dari dosa mereka." Hal itu terjadi supaya genaplah yang difirmankan Tuhan oleh nabi: "Sesungguhnya, anak dara itu akan mengandung dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan mereka akan menamakan Dia Imanuel" --yang berarti: Allah menyertai kita.

*Matius 1:21-23*

Sebagai seorang peminat filem fiksyen sains, saya masih ingat sebuah filem bertajuk "Close Encounter of the 3rd Kind". UFO, makhluk asing, dan apa-apa kehidupan luar angkasa adalah misteri kepada manusia, yang tidak dapat difahami. Ada orang menyatakan bahawa mereka telah "mengalami" makhluk asing melalui penglihatan. Ada juga orang yang menyatakan bahawa mereka telah berkomunikasi dengan mereka. Kedua-dua jenis pertemuan ini tidak mencukupi untuk membuktikan kewujudan makhluk asing. Oleh itu, filem ini menayangkan pertemuan jenis yang ketiga – bukan hanya melalui pendengaran dan penglihatan, malah melalui sentuhan atau pertemuan fizikal yang secara konkrit akan mengesahkan kewujudan bentuk kehidupan sedemikian.

Ramai orang pada hari ini menghadapi kesukaran mempercayai bahawa Allah itu benar, berkuasa dan penuh dengan kasih. Pada hari Krismas, kita merayakan kedatangan Yesus yang pertama. Yesus dinamakan sebelum kelahiran-Nya. Pada masa yang sama, Dia juga diberi nama "Immanuel", yang bermaksud "Allah menyertai kita". Allah mengutus Anak-Nya dalam misi menyelamatkan manusia, telah merancang lebih daripada sekadar misi penyelamatan untuk menyelamatkan manusia daripada neraka. Dia juga bertujuan agar manusia akan mengalami pertemuan yang rapat dengan Dia, mengalami hadirat dan kasih-Nya dalam semua bidang kehidupan dan kewujudan kita. Perbuatan kasih Allah akhirnya dapat mencapai klimaknya dalam Penyaliban dan Kebangkitan Yesus.

Yesus yang mana kita rayakan kelahiran-Nya ini, ingin menyertai kita secara peribadi. Yesus yang mati untuk kita di atas kayu Salib mahu kita mengetahui kasih-Nya dalam kehidupan seharian kita. Dia berminat dengan setiap bahagian kehidupan kita. Dia berbicara kepada kita melalui firman-Nya dan berbicara dengan kita melalui doa. Dia juga berkomunikasi dengan kita melalui mimpi, visi, fikiran dan dorongan oleh Roh Kudus-Nya. Terutamanya, Dia ingin bekerja dan menjamah bahagian kehidupan anda yang paling penting kepada anda. Dia ingin tinggal di dalam anda dan dengan anda. Dia juga ingin anda mengalami pertemuan rapat dengan Dia, secara syurgawi.

Bukalah hati anda pada musim ini, dan mengalu-alukanlah Kristus yang Dibangkitkan untuk tinggal di dalam hati, rumah, tempat kerja, kesihatan, kewangan, pelayan anda dan sebagainya. Carilah pertemuan dengan Dia yang berkuasa dan peribadi. Berdoa untuk mereka yang belum mengalami pertemuan ini, agar mereka juga akan mengalami pertemuan syurgawi dengan Yesus!

### Respons

Berdoa untuk pertemuan yang peribadi dengan Kristus yang hidup, dalam: a) hidup anda; b) kehidupan orang yang anda kasih; dan c) mereka yang memerlukan Yesus.

## Apakah engkau mengasihi Aku lebih daripada mereka

Hari

37

Sesudah sarapan Yesus berkata kepada Simon Petrus: "Simon, anak Yohanes, apakah engkau mengasihi Aku lebih dari pada mereka ini?" Jawab Petrus kepada-Nya: "Benar Tuhan, Engkau tahu, bahwa aku mengasihi Engkau." Kata Yesus kepadanya: "Gembalakanlah domba-domba-Ku."

*Yohanes 21:15*

Yesus melakukan sesuatu yang luar biasa semasa Dia bersama murid-murid-Nya. Petrus, salah seorang penerima kasih Yesus dan dia telah mengalami kebaikan semasa mengikuti Yesus. Dia dijamah oleh Yesus, diberkat oleh Yesus dan dipulihkan oleh Yesus. Ramai orang pada hari ini telah mengalami kebaikan dan kasih Allah. Itu biasanya merupakan permulaan iman Kristian, sekurang-kurangnya bagi kebanyakan kita.

Pengalaman kita terhadap kebaikan dan jamahan Allah biasanya akan membawa kita ke suatu titik penyembahan dan kesyukuran. Kita sebagai Kristian menjalankan kehidupan yang menyembah Allah, kehidupan yang bergantung pada Dia dan pembekalan-Nya. Kadangkala, perkara-perkara "ini" akan menjadi fokus utama dalam hidup kita sebagai murid Yesus. Untuk itu, Yesus bertanya kepada Petrus, "apakah engkau mengasihi Aku lebih dari pada mereka ini?"

Yesus ingin kita menjalani kehidupan yang berkelimpahan. Tetapi Dia juga inginkan kita menjalankan kehidupan yang berpusatkan orang lain. Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, Petrus, "gembalakanlah domba-domba-Ku". Yesus berkata kepada murid-murid-Nya, jangan menjalani kehidupan yang melihat ke dalam. Jalankan hidup anda untuk kesihatan dan kesejahteraan rohani orang lain. Bangunkan mereka. Berkongsi dengan mereka apa yang anda terima dari Yesus.

Inilah sikap yang harus kita pegang sebagai murid Yesus. Saya percaya persediaan ini telah membuka hati Petrus untuk menerima pemberdayaan Roh Kudus dari TUHAN. oleh itu, pada hari pertama Pentakosta, Petrus berdiri dan berkhotbah kepada ribuan orang, bersaksi kepada kuasa Allah dan keselamatan yang hanya boleh diterima melalui Yesus. Minda dia berpusatkan Kerajaan Allah!

Sekiranya murid-murid Yesus mengindahkan panggilan-Nya, mendahulukan keperluan dan kesejahteraan rohani orang lain, maka apabila kuasa Roh Kudus datang, mereka akan dilancarkan menjadi seangkatan tentera yang menjadikan semua bangsa murid Yesus. Proses menjadikan semua bangsa murid Yesus bermula dengan peralihan tumpuan kita, dahulukan fokus pada menjaga orang lain, mendidik mereka dan membangunkan mereka dalam Firman dan karunia Allah, dan kemudiannya fokus pada keperluan, perasaan dan kesejahteraan diri sendiri. Pemurid Yesus adalah gembala rohani kepada domba-domba Allah, dan ibu bapa rohani kepada anak-anak Allah.

### Respons

Berdoa untuk mereka yang Allah letakkan di bawah jagaan mu. Meminta TUHAN untuk menunjukkan kepada anda cara terbaik untuk mendidik dan memuridkan mereka.

## Tergerak oleh belas kasihan

Ketika Yesus mendarat, Ia melihat orang banyak yang besar jumlahnya, maka tergeraklah hati-Nya oleh belas kasihan kepada mereka dan Ia menyembuhkan mereka yang sakit.

*Matius 14:14*

Hari

38

Yesus melihat orang ramai dan merasakan keadaan dan keperluan sebenar mereka. Dia tergerak oleh belas kasihan kepada mereka. Ketika kita menerima Yesus ke dalam hidup kita, kita akan mengalami tumpuan peribadi Dia. Apabila kita berdoa kepada-Nya, Dia akan mendengar seruan peribadi kita. Menjalin hubungan dengan Dia adalah sangat peribadi.

Bagaimanapun, hati Yesus jelas sekali adalah untuk orang ramai, untuk bangsa-bangsa. Tidak hairanlah Dia mengutus murid-murid-Nya (dan Gereja) menjadikan semua bangsa murid-Nya. Ketika Dia melihat orang ramai, hati-Nya tergerak oleh mereka, dan Dia sangat mempedulikan setiap individu dalam kalangan orang ramai. Individu-individu yang menjadikan orang ramai. Begitu juga ketika Dia memanggil kita untuk menjangkau bangsa-bangsa, kita perlu melakukannya dengan cara yang sama seperti Dia - tergerak oleh belas kasihan kepada orang ramai, dan menjangkau kepada keperluan sebenar individu.

Bagaimana pula kita boleh memperolehi belas kasihan-Nya di dalam kita?

Pakar neurosains memberitau kita bahawa apabila manusia memilih suatu tindak balas tertentu terhadap satu set maklumat yang diterima, pilihan tersebut, jika diulangi untuk suatu tempoh masa, akan menentukan tindak balas sikap dan emosi jangka panjang terhadap set maklumat yang sama. Jika kita memilih untuk mengasihi mereka yang susah dikasihi setiap kali, maka belas kasihan mempunyai peluang yang lebih baik untuk berakar dalam sikap dan respons kita terhadap mereka yang susah dikasihi. Kita adalah apa yang kita pilih. Kita harus berdoa agar Allah dengan Roh Kudus-Nya akan mencurahkan belas kasihan-Nya yang luar biasa ke dalam roh kita. Pada masa yang sama, kita mempunyai tanggungjawab untuk membuat pilihan – sama ada untuk mengasihi atau tidak. Jika kita pilih "untuk mengasihi", kita sebenarnya sedang bekerjasama dengan Roh Kudus. Mengasihi murid Yesus secara individu membina sebuah Gereja yang penuh kasih. Gereja yang penuh kasih akan menjangkau dunia, melalui misi dan pelayanan kepada mereka yang sesat, dalam kesakitan, dalam perhambaan dan tanpa harapan.

Pilihlah kasih!

### Respons

Hari ini, ingatlah Salib dan bersyukurlah kepada TUHAN kerana Dia mengasihi anda walaupun pada saat anda "susah dikasihi". Berdoa agar belas kasihan Yesus akan memenuhi hati anda, supaya anda boleh mengasihi mereka yang sesat dan susah dikasihi dengan kasih Yesus yang sama.



## Pemerintahan-Nya Meningkat

Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai. Besar kekuasaannya, dan damai sejahtera tidak akan berkesudahan di atas takhta Daud dan di dalam kerajaannya, karena ia mendasarkan dan mengokohkannya dengan keadilan dan kebenaran dari sekarang sampai selama-lamanya. Kecemburuan TUHAN semesta alam akan melakukan hal ini.

Yesaya 9:5-6

Apabila Anak Allah datang ke dunia ini, Dia telah membawa Kerajaan Allah ke dalam seluruh kewujudan dan atmosfera kita. Kerajaan ini akan menakhluki setiap bidang Kerajaan Setan, di mana jua ia ditemui. Kerajaan-Nya adalah Perintah-Nya. Apabila kita membenarkan Dia untuk memerintah dalam hati kita, Kerajaan-Nya akan menyertai hidup kita. Dan Kerajaan-Nya akan bertumbuh di dalam kita.

*"Dalam kehidupan rohani anda, apa yang anda hadapi pada hari ini bukanlah suatu ulangannya peristiwa yang pernah berlaku, walaupun ada kesamaan. Ia tidak sama kerana anda tidak lagi sama. Kali terakhir anda mengalami cabaran tersebut, anda tidak sematang seperti anda pada hari ini – bukan secara rohani, emosi atau dalam erti apa pun. Kekuatan Allah dalam diri anda ditambah dengan pengetahuan dan pemahaman anda terhadap rencana-Nya dalam keadaan tersebut telah meningkat.*

*Nabi Yesaya menubuatkan pemerintahan TUHAN terletak pada bahu Yesus dan kerajaan tersebut tidak akan kekal sama tetapi akan terus berkembang. Pengikut-Nya diubah oleh Roh Allah – dari iman ke iman, dari kekuatan ke kekuatan dan dari kemuliaan ke kemuliaan.*

*Kerajaan Allah dalam keadaan mencabar akan terus meningkat. Kekuasaan anda dalam keadaan mencabar juga akan meningkat. Dan sebenarnya, satu-satunya perkara yang dikurangkan ialah Setan – gangguannya akan semakin berkurangan. Dalam kehidupan rohani anda, anda akan mendapat lebih banyak, dan anda akan mempunyai lebih banyak. Integriti Allah akan memenuhi anda. Dan orang lain akan menyaksikan kebangkitan anda. Hari ini, anda tidak lagi sama seperti kelmarin."*

*(Dipetik dari Shirley Weaver's Daily Devotion "Not the same")*

Hari ini, Pemerintahan-Nya akan terus meningkat di dalam anda.

### Respons

Tabahkan hati dan bangkit! Isytiharkan kekuatan, pengharapan, keberhasilan, kelimpahan, kemenangan, hidup dan kasih dalam iman, ke dalam masa depan anda. Isytiharkannya dengan lantang!

# Menjadi saksi Kuasa Kebangkitan

Hari

40

Dan dengan kuasa yang besar rasul-rasul memberi kesaksian tentang kebangkitan Tuhan Yesus dan mereka semua hidup dalam kasih karunia yang melimpah-limpah.

*KPR 4:33*

Kisah tentang Kebangkitan Yesus hampir tidak dibenarkan untuk diceritakan pada abad yang pertama. Walaupun diberitahu, ia sama seperti kisah yang dibuat-buat dan dongeng yang sukar dipercayai. Jadi, bagaimana kisah tersebut terus diceritakan selama 2000 tahun yang lalu? Kenapa begitu ramai yang mempercayainya?

Kuasa Kebangkitan adalah sangat benar, dan ia boleh dialami dan disaksikan. Murid-murid Yesus mengalami Kebangkitan Kristus dan Kuasa-Nya, dan mereka diubah olehnya. Mereka pergi ke serata tempat dan menjadi saksi kepada Kuasa tersebut melalui kata-kata mereka, kesaksian mereka dan kehidupan mereka yang diubah. Para murid dan Gereja awal adalah penunjuk/ccontoh realiti Kristus pada zaman mereka. Seluruh pengalaman kehidupan dan kasih Allah diwariskan dalam gereja. Orang lain yang melihat mesej yang dipamerkan dalam hidup mereka, tertarik kepada Yesus dan mereka juga mengalami Kuasa Kebangkitan yang sama. Dan proses ini dipanggil: pemuridan.

Lebih dari tanda-tanda dan mujizat-mujizat, mujizat terbesar adalah pembebasan jiwa dan hidup yang disembuh dan diubah. Itulah kesaksian Injil yang kuat. Kehidupan dalam perhambaan telah dibebaskan. Jiwa yang hancur telah disembuhkan. Dosa dan akibatnya telah dibatalkan. Kepahitan telah dihapuskan, kedamaian dan sukacita telah dipulihkan. Sifat mementingkan diri sendiri berubah menjadi kasih yang tanpa pamrih. Pekerjaan kedagingan telah disalibkan, dan buah-buah Roh Kudus terus bertumbuh. Senarainya tidak berkesudahan.

Inilah panggilan untuk kita: datanglah ke Salib Yesus hari ini, dan alamilah Kristus ini yang telah mati dan sekarang hidup selama-lamanya! Mari kita datang dan alami lagi Kuasa Kebangkitan ini di dalam hidup kita. Supaya hidup kita akan menjadi kesaksian hidup kepada Yesus yang boleh menyelamatkan, membebaskan, menyembuhkan dan memulihkan.

Selamat hari Kebangkitan yang Terberkati!

## Respons

Berdoa untuk Gereja dan semua murid-murid Yesus, agar hidup kita akan terus mengalami dan menunjukkan Kuasa Kebangkitan Kristus.

